



• BIL 301 • 14 - 20 FEBRUARI 2025 • PP19441/12/2018 (035014)

# WILAYAHKU

[www.wilayahku.com.my](http://www.wilayahku.com.my)

# MALAYSIA BANGUNKAN SEMULA GAZA

>> 2-5

Turkiye penanda aras  
pengurusan sisa  
>> 8

Februari  
bulan gembira  
>> 9-11

Sambutan meriah  
Hari Wilayah di Labuan  
>> 20

Pembangunan semula Gaza

# ZIONIS DITUNTUT BAYAR AS\$100B

LAPORAN: AINI MAWAWI, AZLAN ZAMBRY, METRA SYAHRIL MOHAMED & SABRINA SABRE

**P**ADA sesi Syarahan Umum di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) sempena lawatan rasminya ke Malaysia baru-baru ini, Recep Tayyip Erdogan membuat penegasan mendesak rejim zionis dan kerajaan Benjamin Netanyahu membayar pampasan AS\$100 bilion (RM447 bilion) kepada Gaza.

Malah Presiden Turkiye itu mahu kedua-dua pihak bertanggungjawab ke atas kemusnahan yang dilakukan mereka terhadap bumi Gaza sepanjang tempoh 471 hari selepas melancarkan perang pada 7 Oktober 2023.

Pampasan sebanyak AS\$100 bilion itu mengambil kira kerugian dialami Gaza akibat kemusnahan atas tangan-tangan zalim zionis dan Netanyahu.

Erdogan berkata, Israel mesti membayar pampasan atas kemusnahan dilakukan mereka dan proses pembinaan semula Gaza mesti dimulakan dengan dana tersebut.

Menurut beliau, setiap kerosakan yang tidak dibayar semula akan menjadikan pelaku kepada kezaliman itu akan bertindak lebih ganas.

"Lebih 61,000 orang yang tidak bersalah telah syahid di Gaza. Sekolah, masjid, gereja, universiti dibom. Hampir 80 peratus bangunan di Gaza musnah."

"Dunia menyaksikan keruntuhan nilai kemanusiaan dan undang-undang antarabangsa selama tempoh 471 hari itu," katanya.

Erdogan berkata, seramai dua juta rakyat Gaza terkepung dalam tempoh itu dan berdepan pembunuhan beramai-ramai (genosid) yang paling kejam pada abad ini.

Dalam pada itu beliau menghargai sokongan Malaysia terhadap Gaza dan perjuangan Palestin.

"Saya juga mengalu-alukan pendirian teguh Malaysia dalam memerangi Islamofobia. Kami (Turkiye dan Malaysia) telah berusaha sedaya upaya untuk menghentikan serangan dan meminta mereka yang bertanggungjawab diheret ke muka pengadilan."

"Kami tidak pernah tunduk kepada penindasan dan penindas. Kami tidak akan membiarkan penduduk Gaza dan Palestin bersendirian walaupun sesaat," katanya. 



ANWAR ketika mengadakan pertemuan empat mata bersama Erdogan baru-baru ini.

## Jangan meremeh usaha murni

**USAHA** Kerajaan MADANI dalam membangunkan Gaza dan Palestin tidak wajar diremehkan kerana ia melibatkan masalah kemanusiaan sejagat yang memerlukan pembelaan daripada semua pihak.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Cinta Gaza Malaysia (CGM), Muhammad Nadir Al-Nuri Kamaruzaman, isu Palestin ini sewajarnya menjangkau politik kepartian mahupun warna kulit atau agama dan ia mesti disokong oleh semua pihak termasuk mereka yang bukan Islam.

"Palestine dan Gaza adalah isu kemanusiaan dan penindasan berpanjangan serta masalah kebijakan dan kesejahteraan."

"Ia juga terkait dengan usaha mempertahankan orang yang sedang dijajah daripada penjajah raksus yang tidak mengenal erti belas kasihan dan menghormati undang-undang antarabangsa dan melanggar segala norma peperangan di tempat-tempat yang lain," katanya kepada Wilayahku.

Nadir berkata, sebarang usaha mengaitkan dengan politik kepartian mahupun agama adalah tidak wajar.

"Dalam soal membantu negara luar serta dakwaan kononnya Malaysia sendiri memerlukan bantuan, juga tidak perlu dijadikan sebagai isu kerana kedua-dua bantuan dan pembangunan negara



NADIR

boleh dilakukan secara serentak dan bersama disebabkan Malaysia tidak berdepan sama seperti situasi di Gaza," katanya.

Nadir berkata, Malaysia sejak dahulu telah memainkan peranan besar dalam membantu isu Palestin sama ada dalam bentuk advokasi atau bantuan yang disampaikan serta dalam bentuk sokongan kemanusiaan lain yang tidak pernah putus di semua peringkat khususnya antarabangsa.

"Peranan ini bukan sahaja dimainkan kerajaan, malah ia ditunjukkan sokongan yang tidak berbelah bahagi oleh rakyat dan begitu juga di pihak Majlis Raja-Raja Melayu kita."

"Ini membuktikan bahawa suara Malaysia komited untuk terus menolak penjajahan, kezaliman di mana sahaja dan dengan usaha berterusan ini, insya-Allah, Malaysia boleh memainkan peranan dalam diplomasi kemanusiaan serta meletakkan jejaknya di dalam negara-negara yang memerlukan suara dan juga komitmen Malaysia pada saat ini," katanya.

Menurut Nadir, apa yang hendak dilakukan oleh Malaysia dan Jepun serta negara-negara yang lain adalah bertepatan dengan prinsip Maqasid Syariah yang paling utama

iaitu memelihara nyawa yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak.

"Selain prinsip maqasid yang lain iaitu pembelaan terhadap harta, maruah dan yang paling kita bimbangi adalah pemeliharaan terhadap nasab atau keturunan kerana di bumi Gaza, sebagaimana yang kita baca, pembunuhan beramai-ramai atau pembersihan etnik yang berlaku menyebabkan sebahagian daripada nasab ini putus serta-merta sekali gus menyebabkan keluarga mereka lenyap di bumi Gaza," katanya.

Katanya, meskipun timbul kesangsian terhadap penglibatan Jepun dalam program pembangunan semula Gaza, beliau menegaskan perkara itu perlu disokong sepenuhnya kerana negara tersebut merupakan antara penyumbang terbesar dalam pembangunan Palestin.

"Jepun adalah negara yang sangat komited dalam membantu negara lain yang memerlukan dan kita tidak boleh menafikan bantuan yang disampaikan oleh mana-mana negara pun, adanya kepentingan mahupun sesuatu yang hendak dicapai."

"Tetapi kita sekadar menegur secara zahir dan mengakui bantuan yang datang hatta bukan dari negara Islam pun dan kita mengucapkan terima kasih kerana dalam suasana seluruh dunia mungkin menghentam dan menyalahkan Hamas dan rakyat Palestin, tetapi negara-negara ini masih lagi berani

untuk bangun menentang Abang Besar iaitu Amerika Syarikat untuk terus memberikan sokongan kepada Palestin.

"Jadi tugas untuk menjaga kedaulatan Palestin itu bukanlah tugas kita, tetapi ia sentiasa menjadi keutamaan warga Palestin itu sendiri yang bersedia untuk mempertahankan tanah air mereka," katanya.

Nadir yang juga aktivis Gaza menjelaskan bahawa peranan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang membantu Palestin harus diperkasakan dan kerajaan seharusnya memberikan tanggungjawab yang lebih besar dalam membantu kerajaan membangun semula Gaza.

"Penyelarasannya perlu dibuat antara kerajaan yang mungkin sibuk dengan pelbagai urusan rasmi lain. Kerjasama NGO ini perlu dilakukan supaya proses penyaluran bantuan dapat dibuat dengan efisien, khususnya untuk memastikan bantuan dapat sampai ke Palestin dengan selamat."

"Selain itu projek pembangunan juga boleh dipantau dan dipastikan agar berjaya dan akhirnya manfaat itu sampai kepada penduduk Palestin."

"Kami di CGM dan rakan-rakan di dalam NGO di bawah MyAqsa Defenders sedia memberikan kerjasama penuh untuk menyelesaikan bantuan ke sana," katanya.

Tambahnya, sebelum ini, NGO seperti CGM memainkan peranan



untuk membentuk dan menjadi jambatan di antara Malaysia dan Palestin dalam isu yang bukan sahaja terkait bukan sahaja pembangunan infrastruktur tetapi juga di dalam bab perkongsian mengenai kemahiran.

"Kami pernah mengadakan latihan untuk Kementerian Luar Negara Palestin, berkongsi ilmu dengan pensyarah-pensyarah Universiti Islam Gaza, Kementerian Perumahan serta kementerian yang lain bersama pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn (UTHM), jadi kerjasama ini harus dimainkan dengan lebih baik."

"Kami mempunyai kepakaran yang sangat tinggi dalam banyak bidang pengurusan bencana yang diiktiraf oleh orang Palestin dan ilmu seperti ini sangat bermanfaat untuk mereka."

"Justeru itu kami perlu memikirkan kerangka bantuan yang ingin disampaikan dan dalam bentuk perkongsian terhadap usaha-usaha ini, insya-Allah bukan sahaja semata-mata perkongsian ini, sudah tentu sebagaimana disebutkan tadi ia memerlukan kos yang sangat besar dan masa yang lebih panjang," katanya. 

# Anwar, Shigeru junjung isu kemanusiaan

DALAM era di mana landskap geopolitik semakin dibentuk oleh konflik, pakatan dan krisis kemanusiaan, perang tragis di Gaza—bermula pada 7 Oktober 2023 sebagai peringatan yang jelas tentang keperluan mendesak untuk kerjasama global dalam menghulurkan bantuan terhadap wilayah berkenaan.

Dengan lebih 48,000 korban dan kemasuhan yang berlaku, penderitaan rakyat Palestin telah menarik perhatian masyarakat antarabangsa sekali gus mencetuskan seruan untuk keadilan, keamanan dan pembinaan semula.

Di tengah-tengah kegawatan ini, Malaysia dan Jepun telah muncul sebagai kuasa penting dalam menerajui usaha untuk membina semula Gaza dan mengesahkan perkongsian dalam menjunjung isu kemanusiaan yang merentasi sempadan, budaya dan jurang politik.

Bercakap mengenai perkara ini, Penganalisis Politik Timur Tengah, **Mohd Nasaei Ismail** berkata, tindakan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim jelas menunjukkan usaha Malaysia dalam menyebarluaskan pembabitan negara-negara lain untuk turut sama terlibat aktif dalam membela Gaza dan Palestin yang sekian lama ditindas rejim zionis.

“Kebiasaan yang majoriti yang membantu adalah negara-negara Islam sahaja di samping segelintir negara Eropah seperti Norway.

“Dalam konteks Asia, penglibatan negara bukan Islam dalam membela nasib rakyat Gaza ini hampir-hampir tidak pernah berlaku,” katanya ketika dihubungi Wilayahku pada Isnin.

Mohd Nasaei berkata, Jepun yang dipimpin Perdana Menterinya, Shigeru Ishiba tampil sebagai sebuah kuasa ekonomi yang berpengaruh dan mempunyai keupayaan teknologi yang maju dalam membina sesbuah bandar yang diperlukan untuk membina Gaza, ia mampu menarik penyertaan lebih banyak negara maju lain untuk turut sama membantu pemuliharaan dan pembangunan di wilayah tersebut.

“Dengan terlibatnya Jepun, ia akan memberi teladan kepada negara lain untuk turut sama menjadikan isu Gaza bukan isu agama tetapi pembelaan terhadap kemanusiaan rentas sempadan agama dan bangsa,” katanya.

Sebagai Penggerusi ASEAN, Perdana Menteri telah mengesahkan sokongan tidak berbelah bahagi kepada Palestin dengan menggabungkan tanggungjawab moral dengan diplomasi strategik untuk menggerakkan bantuan antarabangsa.

“Jepun sebagai sebuah negara penyokong keamanan dan pembinaan semula sekian lama, telah bergabung dengan Malaysia dalam kerjasama bersejarah yang menekankan kuasa diplomasi kemanusiaan.

“Inisiatif bersama ini bukan semata-mata tindakan membina semula infrastruktur — ia adalah satu kenyataan kepada dunia bahawa keadilan dan maruah manusia mesti mengatasi parut perang,” katanya.



MOHD NASAEI



## Pembangunan semula Gaza

# USAH SINIS, TIADA ‘KERA DISUSUKAN’

**H**UMANITARIAN Care Malaysia (MyCARE) mengajak rakyat Malaysia, tak mengira agama maupun bangsa, bersama menyokong kepada pembangunan semula Gaza yang teruk dihentam dengan kekejaman zionis.

Malah Penasihat Kehormat MyCARE, **Dr Hafidzi Mohd Noor** juga menasihatkan semua pihak supaya usah sinis sehingga mengeluarkan pepatah ‘kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan’ terhadap segala misi kemanusiaan, sama ada di Palestin maupun negara luar yang berdepan bencana.

Menyokong pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai usaha kerajaan Malaysia membangunkan semula Gaza, katanya setiap negara sememangnya amat bergantung kepada satu sama lain.

“Mengatakan ‘kera di hutan disusukan’, ini respons klise yang akan disuarakan dalam isu-isu berkaitan membantu masyarakat antarabangsa atau luar negara. Banyak insiden, apabila kerajaan Malaysia atau badan bukan kerajaan (NGO) menyatakan hasrat membantu negara luar, akan ada suara-suara sumbang macam ini.

“Saya rasa kita tak perlu ambil peduli dengan suara sinis sebegini. Termasuk ketika kita nak bantu Turkiye yang dilanda gempa bumi beberapa tahun lalu, kita dengar respons yang sama juga.

“Ingat, setiap negara memang bergantung kepada satu sama lain, mungkin di mana kita pula nanti, kita juga mungkin bergantung kepada negara luar dari sudut mendapatkan pertolongan. Sebab ini adalah kemanusiaan,” katanya kepada Wilayahku.

MyCARE merupakan antara NGO yang

aktif menjalankan misi kemanusiaan di kebanyakan negara terutama yang dilanda bencana serta konflik peperangan.

Bergerak bersama institusi lain termasuk swasta, MyCARE melalui hasil sumbangan rakyat Malaysia yang disalurkan menerusi tabung kemanusiaan telah berjaya membina Sekolah Malaysia antaranya di Syria dan Yaman.

Terdahulu, Hafidzi memberi respons mengenai cakap-cakap sinis sesetengah pihak mengenai pengumuman Perdana Menteri dalam aspek pembangunan semula Gaza.

Menurutnya apa yang dilakukan kerajaan Malaysia melalui kerjasama strategik dengan Jepun merupakan nilai tambah kerana ia melibatkan satu kuasa ekonomi dunia iaitu negara matahari terbit itu.

“Apabila kerajaan Jepun sedia bekerjasama, ia menunjukkan satu trust (kepercayaan), Perdana Menteri berjaya mendapatkan kepercayaan dari Jepun. Bahkan ia memberikan satu vibes yang positif.

“Jepun sebuah negara kumpulan G7 iaitu pertubuhan dianggotai tujuh negara maju yang juga kuasa besar ekonomi dunia. Bagi kami, inilah kerjasama pintar tetapi dengan Jepun, impaknya positif,” katanya.

Ditanya mengenai perancangan MyCARE mengenai pembangunan semula Gaza, katanya NGO itu telah bantu Gaza sejak 14 tahun lalu dalam bentuk bantuan kemanusiaan, makanan, ubat-ubatan selain memberikan modal untuk perusahaan kilang roti, ladang ternakan lembu tenusu dan sebagainya.

Namun mendukacitakan jelasnya, semua projek yang diusahakan itu musnah sepenuhnya oleh kerana serangan dilakukan rejim zionis sejak 7 Oktober 2023.

“Bukan sahaja Projek MyCARE, banyak projek NGO lain juga musnah. Sebab serangan kali ini sangat intensif dan dari segi bom yang digugurkan itu lima kali lebih besar daripada apa yang digugurkan di Hiroshima (Jepun),” katanya.

Biar pun begitu katanya, sejak serangan zionis pada 2023, MyCARE telah dapat mengumpul RM17 juta untuk disalurkan dalam bentuk projek-projek pembangunan di Gaza.

“Kami ada pejabat di Gaza yang diuruskan oleh warga Gaza sendiri iaitu Dr Ziad M.M. Shehada. Melaluiinya kami dapat input dan maklum balas mengenai apa keperluan semasa di sana.

“Contohnya beliau memberitahu Gaza ketika ini amat memerlukan bantuan khemah untuk perlindungan sementara penduduk. Bantuan lain dari segi bekalan air bersih.

“Lain-lain projek yang sedang kami usahakan adalah bantuan perubatan, kami cuba menghantar doktor-doktor perubatan dengan kerjasama NGO lain,” katanya yang menambah sukarelawan MyCARE merancang untuk masuk ke Gaza apabila keadaan mengizinkan nanti.

Beliau kemudiannya mengingatkan pengkritik terhadap sebarang usaha misi kemanusiaan supaya mengingati pesanan Rasulullah SAW.

“Apa Rasulullah SAW pesan? Jika kita tidak ada sesuatu yang baik untuk diperkatakan, adalah lebih baik diam.

“Harapan kami semua pihak fahami keadaan semasa Gaza. Mereka dikepung, dikenakan sekatan ekonomi. Cuba letak diri kita dalam keadaan mereka di mana mereka tidak dilindungi, menjadi mangsa genosid,” tegasnya.



HAFIDZI

Pembangunan semula Gaza

# TERIMA KASIH MALAYSIA

METRA SYAHRIL MOHAMED

**P**EMBANGUNAN semula Gaza bakal melibatkan kos sebanyak AS\$1 trilion (RM4.47 trilion) dan mengambil masa lima ke 10 tahun. Demikian jelas Charge d'Affaires Kedutaan Palestin ke Malaysia, **Mohammed Abudagga** kepada Wilayahku mengenai anggaran diperlukan untuk membangunkan semula Gaza yang musnah akibat keganasan dilakukan rejim zionis Israel.

Malah kata beliau, keadaan Gaza ketika ini amat dahsyat. Beliau sendiri kehilangan beberapa ahli keluarga yang terkorban di tangannya kejam zionis sepanjang perang sejak 7 Oktober 2023.

Ini termasuk sepupunya yang juga seorang wartawan di Gaza, Samer Abudagga selain dua bapa saudara dan ibu saudaranya. Kediaman beliau di Khan Yunis juga musnah. Ini merupakan kali kedua rumah ahli keluarganya di wilayah itu hancur selepas 2009.

Dalam tempoh 15 bulan yang cukup sengsara itu, 46,707 orang penduduk di Gaza dilaporkan terbunuh, termasuk 18,000 daripadanya kanak-kanak. Walau bagaimanapun, melihat kepada dahsyatnya keadaan di Gaza, ramai penganalisis dan kumpulan hak asasi manusia percaya jumlah kematian pastinya melebihi daripada apa yang dilaporkan itu.

Sekurang-kurangnya 110,265 orang di Gaza cedera ekoran perang berkenaan. Kanak-kanak antara yang paling terjejas teruk.

Selain jumlah korban yang disahkan, ribuan dilaporkan tertimbus di bawah runtuhan bangunan. Menurut Pihak Berkuasa Kualiti Alam Sekitar Palestin, dianggarkan sebanyak 85,000 tan bahan letupan telah digugurkan di Gaza.

Hampir 1.9 juta penduduk di Gaza hidup merempat dengan 80 peratus daripadanya tinggal di tempat perlindungan sementara, tanpa pakaian mencukupi terutama ketika berdepan musim sejuk baru-baru ini.

Statistik tersebut yang dikongsi pelbagai badan bukan kerajaan (NGO) Palestin turut diakui. Mohammed Abudagga mengikut pelaporan yang diterimanya, terutama daripada badan antarabangsa.

"Kalau awak tanya saya berapa lama diperlukan untuk membangunkan semula Gaza, lihatlah sendiri keadaan di sana, musnah teruk. Paling minimum, lima tahun, itu pun tidaklah menyeluruh melihat kepada dahsyatnya Gaza ketika ini."

"Kos yang saya sebutkan itu anggaran, mungkin lebih daripada itu," katanya dalam temu bual yang diatur oleh pihak kedutaan kepada



SEKURANG-KURANGNYA 110,265 orang di Gaza cedera ekoran perang dilancarkan tentera rejim zionis.

Wilayahku. Beliau kini bertindak selaku Charge d'Affaires susulan Duta Palestin ke Malaysia, Walid Abu Ali berada di luar negara untuk menjalani rawatan kesihatan.

## ZIONIS KAWAL PINTU SEMPADAN

TERDAHULU Mohammed Abudagga melahirkan rasa terharu dengan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim bahawa Malaysia dan Jepun akan menubuhkan dana melalui kegiatan Asia Timur bagi program pembangunan semula Gaza dan Palestin susulan gencatan senjata yang telah dicapai baru-baru ini.

Malaysia akan menjayakan usaha bersama rakyat dan sektor swasta untuk memulakan pembinaan sekolah, hospital dan masjid.

Sebelum ini, Malaysia akan bekerjasama dengan Jepun bagi menyegerakan pembangunan semula Gaza berikutan gencatan senjata yang telah dicapai. Jepun juga meminta Malaysia menjadi pengurus bersama bagi menganjurkan persidangan mengenai kerjasama antara Asia Timur untuk Pembangunan Palestin (CEAPAD) pada Julai ini, khususnya

berkaitan pembangunan semula Gaza.

"Malaysia tanpa jemu membantu Palestin. Kami juga percaya kerjasama Malaysia dan Jepun ini amat penting dalam usaha menyokong Palestin. Kami amat menghargai usaha ini," jelas Mohammed Abudagga.

Beliau turut menzahirkan rasa bangga dengan Malaysia yang menjadi satu-satunya negara di Asia Tenggara menyertai Kumpulan The Hague bagi menyelaraskan tindakan perundangan, diplomatik dan ekonomi terhadap pencabulan undang-undang antarabangsa oleh Israel sebagai langkah penting ke arah menamatkan pendudukan rejim zionis.

Penubuhan Kumpulan The Hague bertujuan menamatkan penjajahan Israel di tanah Palestin serta menyokong hak rakyat Palestin untuk menentukan nasib sendiri dan menubuhkan sebuah negara merdeka.

Katanya, ketika ini penduduk di Gaza amat memerlukan bantuan perubatan, tempat perlindungan yang selamat, makanan selain perlindungan keselamatan mengikut undang-undang antarabangsa.

Namun begitu jelasnya, Israel ketika ini masih menguasai pintu sempadan di Gaza yang sedikit sebanyak menyukarkan misi kemanusiaan termasuk bantuan masuk ke wilayah itu.

Memburukkan lagi keadaan, tentera zionis juga mengawal kemasukan bantuan kemanusiaan khususnya di Rafah yang terletak di sempadan selatan Gaza dan Mesir.

"Mereka (zionis) mengawal sempadan, mereka juga mengawal laju laut termasuk mengawal daftar penduduk Palestin sejak 1967. Ini bermakna mereka mempunyai kuasa penuh dalam mengeluarkan kad pengenalan dan pasport Palestin serta menentukan siapa yang dibenarkan masuk dan keluar dari Palestin."

"Mereka mengawal kemasukan misi kemanusiaan dan membuat pelbagai sekatan," katanya.

Atas sebab itu jelasnya, Palestin amat menghargai usaha dilaksanakan Malaysia dan Jepun dalam membangunkan semula Gaza, terutamanya Malaysia yang konsisten menyokong hak asasi Palestin selain hak mendirikan sebuah negara berdaulat.

"Malaysia sebagai negara membangun dan Jepun antara kuasa ekonomi dunia, apabila kedua-duanya bergabung, ia amat penting bagi kami."

"Usaha ini bukan sahaja berkaitan pembangunan semula Gaza, tetapi ia mesej penting kepada dunia bahawa kedua-dua negara ini menyokong perjuangan Palestin. Ia mesej jelas, daripada kerajaan Malaysia, bahawa Malaysia juga menolak sebarang cubaan memindahkan penduduk Gaza," katanya.

## LEBIH 800 MASJID MUSNAH

BERCAKAP mengenai kemusnahan di Gaza, Mohammed Abudagga memberitahu, lebih 137 buah sekolah dan institusi pendidikan di Gaza musnah sepenuhnya manakala 357 lagi musnah sebahagian.

Katanya, 34 buah hospital turut musnah dan bertambah menyediakan apabila 800 masjid juga menjadi sasaran kemusnahan zionis.

Bagi ratusan ribu penduduk yang berada di luar Gaza pula katanya, jangan berharap mereka dapat pulang semula ke kampung halaman masing-masing.

"Ini kerana zionis yang mengawal segalanya. Sebagai contoh ada pelajar Palestin yang menyambung pengajian di Malaysia, mereka ini tidak dibenarkan pulang ke Gaza kerana Israel tidak membenarkan mereka melintasi sempadan."

"Bagi zionis, rakyat Palestin boleh tinggalkan Gaza tetapi tidak semua boleh dibenarkan pulang semula ke Gaza," katanya.

Dalam pada itu, beliau berterima kasih kepada kerajaan Malaysia kerana membawa masuk rakyat Palestin yang cedera untuk mendapatkan rawatan di negara ini.

"Besar harapan kami agar Malaysia dapat terus menyokong kami. Malaysia sudah seperti keluarga kami yang tak putus-putus menyokong kami," katanya.



MOHAMMED

Pembangunan semula Gaza

# 'HIDUP KAMI AMAT SENGSARA'

**B**ERAT mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Itulah antara gambaran yang dihadapi oleh rakyat Palestin selama perang Israel-Palestin yang melanda lebih setahun. Biarpun gencatan senjata telah berkuat kuasa, namun episod duka dan kesengsaraan rakyat Palestin tidak pernah terlupakan daripada memori.

Di sebalik kisah meruntun jiwa, rakyat Palestin yang terselamat bersyukur kerana Malaysia sentiasa terbuka menjadi antara destinasi mangsa perang mencari perlindungan daripada mortar dan bedilan peluru.

Berkongsi keperitan yang dihadapi, wanita warga Palestin yang dikenali sebagai **Mumtaza**, 21, berkata, apa yang dilalui sukar untuk digambarkan dengan kata-kata.

"Kehidupan kami di sana amat sengsara, saya kehilangan kesemua ahli keluarga selepas rumah kami musnah dek serangan Israel. Ketika itu, saya terpaksa menumpang di rumah ibu saudara, Isra," kata Mumtaza ketika diminta menceritakan keadaan hidup sehari-hari rakyat Palestin dengan serangan berterusan oleh rejim Zionis di Semenanjung Gaza.

Berkongsi lanjut, meskipun berita buruk dan pembunuhan beramai-ramai berlaku depan mata setiap hari, dia tidak goyah dan dengan tegas menyatakan bahawa dirinya tidak takut mati, malah ketidaaan bekalan air dan makanan perkara biasa yang dihadapi penduduk di Gaza.

"Pada dasarnya, kami tidak takut dengan kematian sendiri. Saya bercakap bagi diri dan saya yakin



MUMTAZA (tengah) ketika berkongsi kisah duka dalam audio siar Padu Podcast.

setiap rakyat Palestin bersetuju dengan saya, cuma yang kami bimbangkan adalah kehilangan orang yang kami sayang. Saya sudah kehilangan rumah, ayah, ibu dan adik, jadi saya harap saya tidak akan kehilangan mana-mana ahli keluarga lagi.

"Setiap hari dalam solat kami berdoa supaya sentiasa dilindungi selain turut memohon kepada Allah SWT agar sentiasa memberikan kesabaran bagi membolehkan kami mengharungi tempoh yang sukar ini, untuk kami terus kekal berada di tanah air kami."

"Insya-Allah, Allah akan beri kami kesabaran dan lindungi bumi

ini," katanya dalam audio siar Padu Podcast bersama Pengurus YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdlin Shauki Aksan.

Menceritakan keadaan terkini di Gaza pula, jelas Mumtaza sehingga kini pelbagai masalah dihadapi oleh mereka terutamanya dari sudut fasiliti kesihatan.

"Sebelum keganasan Zionis, di Gaza sudah berdepan dengan isu COVID-19. Pergerakan kami sangat terhad, sekolah ditutup dan majlis sosial juga tidak boleh diadakan."

"Lebih malang, perubatan juga semakin berkurangan, fasiliti untuk merawat pesakit serta penduduk Palestin yang tercedera dalam

keganasan Zionis Israel," katanya.

Mumtaza berkata, kezaliman Zionis selama lebih 70 tahun terhadap rakyat Palestin perlu dihentikan segera.

"Solidariti dari sudut politik terhadap Palestin perlu diperkuatkan lagi dalam memberi tekanan terhadap rejim Israel. Untuk itu, amat penting tekanan dibuat oleh komuniti antarabangsa dan diplomatik terhadap Israel."

"Kami harapkan negara Islam dan seluruh dunia untuk terus melawan kekejaman Zionis ini terhadap rakyat Palestin terutama di Baitulmaqdis," tegasnya.

Dia yang turut mewakili rakyat



Palestin berkata, mereka tidak pernah berputus asa dan semangat setiap daripada mereka dalam menuntut kembali hak tidak akan berakhir.

Malah jelas Mumtaza, setiap kali berlaku kematian akibat kekejaman Zionis, semangat penduduk Palestin bertambah kuat.

"Ini adalah cara kami tunjukkan keberanian, kami tidak boleh bersedih apabila hilang rumah atau keluarga tersayang kerana perjuangan ini amat penting buat kami."

"Kami bersedia untuk berkorban dengan hati yang reda, setiap kali berdepan dengan tindakan zalim, kami akan bangkit dengan semangat yang lebih kuat," katanya lagi.

Dalam masa sama, dia turut menzahirkan jutaan terima kasih kepada rakyat Malaysia dan negara-negara luar yang sentiasa menyokong perjuangan Palestin.

"Malaysia sentiasa menyokong kuat Palestin. Sokongan emosi anda sangat membantu kami. Setiap kali melihat hantaran yang dikongsikan, saya dapat rasa bahawa kami tidak ditinggalkan keseorangan, terutama oleh saudara-saudara Islam kami. Terima kasih banyak atas sokongan anda," katanya.

## Jiwa mereka sangat kuat harungi badai

**USAHA** murni Malaysia dalam menjayakan Projek Bandar Wakaf bagi membangunkan semula Gaza selepas Ramadan tidak seharusnya diperdebatkan dalam kalangan masyarakat.

Menurut Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), **Ahmad Fahmi Mohd Samsudin**, inisiatif tersebut merupakan mesej solidariti dan kemanusiaan yang perlu ada dalam kalangan rakyat Malaysia.

"Tidak ada istilah kera di hutan disusukan, anak di rumah mati kelaparan dalam perkara ini. Ia merupakan keikhlasan kita untuk memberi manfaat kepada umat Islam sejagat dan bersama-sama memperjuangkan isu kemanusiaan," ujar beliau kepada Wilayahku.

Katanya, pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membangunkan semula



AHMAD FAHMI

Gaza secara tidak langsung adalah menunjukkan naratif balas kepada Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump yang komited untuk 'membeli' dan memiliki Gaza.

"Komitmen Perdana Menteri memperlihatkan bahwasanya Gaza ini adalah milik rakyat Palestin. Dunia melihat apa yang berlaku di depan mata namun tidak mampu berbuat apa-apa, sekurang-kurangnya apa yang boleh kita bantu adalah dengan membina semula Gaza."

"Naratif yang diumumkan PM secara tidak langsung memberikan satu mesej kepada dunia kita kena come out untuk bantu dalam erti kata bina semula Gaza ini," tegas beliau.

Mengulas lanjut, beliau yang juga merupakan Timbalan Pengurus Ops Ihsan berkata, interaksi bersama pasukan yang berada di lapangan menjelaskan mereka



RAKYAT Malaysia berhimpun sebagai tanda solidariti kepada Palestin.

dalam proses untuk membersihkan tempat tinggalan kediaman penduduk yang telah musnah.

"Sekarang adalah fasa membersihkan tempat tinggalan tetapi menuju ke Ramadan yang akan datang dalam beberapa hari sahaja lagi, saya fikir ada kewajaran untuk kita bantu mereka untuk persiapan bulan yang mulia itu."

pihak adalah kekuatan yang ada pada rakyat Palestin tidak dapat dipertikaikan oleh sesiapapun.

"Jiwa mereka sangat kuat biarpun melalui banyak siri kemusnahan dan perpeperangan, namun kita sebut sebagai resilience (ketahanan) mereka yang begitu kuat sepertutnya menjadi satu motivasi kepada rakyat di negara ini," ujarnya.

Ahmad Fahmi menyeru semua pihak, sama ada rakyat biasa, sektor swasta atau badan bukan kerajaan (NGO), untuk sama-sama menyokong projek tersebut.

"Melalui Global Peace Mission (GPM), kami memang mempunyai beberapa projek yang dilaksanakan sebelum ini di Gaza dan akan diteruskan ke masa hadapan."

"Saya fikir untuk tempoh ini kami telah buat model terbaik bukan sahaja dalam Malaysia tetapi luar negara. Sebagai contoh, bagaimana inisiatif Ops Ihsan kami sebelum ini perlu terus dijadikan model untuk kami mengerakkan agenda sekali gus membantu rakyat Palestin," katanya.

# Ada sebab Anwar tidak hadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja BUKAN RAJA MURKA

**B**ARU-BARU ini kecoh dalam media sosial apabila tersebarnya fitnah kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak diundang menghadiri Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-268 yang berlangsung pada 5 hingga 6 Februari lalu.

Terdapat segelintir netizen mendakwa situasi ini berlaku kerana raja-raja murka terhadap Anwar kononnya tidak bijak mentadbir negara. Begitu mudah tuduhan tidak berasas dilemparkan kepada pemimpin utama dalam kerajaan itu.

Semua itu ternyata fitnah yang tidak berasas sama sekali.

Bagi Setiausaha Pertubuhan Pendidikan Intelek Warga Terengganu, Ahmad Nadhir Yob, tohmannan yang tidak berasas itu bukan sahaja tidak perlu dipanjangkan tetapi sepatutnya tidak dicipta oleh laskar siber pembangkang.

"Jangan tunggang isu Majlis Raja-Raja atau Yang di-Pertuan Agong untuk kepentingan politik sempit.

"Mesyuarat itu tidak dihadiri oleh PM kerana Presiden Uzbekistan melakukan lawatan rasmi ke negara kita pada 4 dan 5 Februari berkenaan.

"Jadi Perdana Menteri memang kena buat sambutan negara," katanya dalam kenyataan.

Sehubungan itu, Ahmad Nadhir berasa aneh dengan hujah yang mengatakan Raja-Raja Melayu murka kepada PMX kerana itu beliau tidak diundang ke mesyuarat yang diadakan di Istana Negara.

"Di mana kata (bukti) Agong atau



**ANWAR** tidak hadir ke mesyuarat itu kerana meraikan ketibaan pembesar luar negara yang hadir ke Malaysia. - Gambar hiasan

Majlis Raja Raja murka kepada PMX dan beliau tidak dijemput? Sebab ketidakhadiran PMX ke mesyuarat itu telahpun disembah maklum terlebih dahulu kepada Majlis Raja-Raja," katanya.

Mengulas isu yang sama, Ahli Dewan Negara, Datuk Dr Azhar Ahmad dipetik The Malaysia Press pula berkata, Anwar bukanlah pemimpin pertama tidak hadir ke Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

Sebelum ini pun katanya,

terdapat Perdana Menteri yang tidak menghadiri mesyuarat berkenaan.

Saya dimaklumkan Perdana Menteri telah minta diperkenan untuk tidak hadir ke mesyuarat itu kerana meraikan ketibaan tetamu atau pembesar luar negara yang hadir ke negara kita.

"Jadi amatlah menyediakan bagi saya, apabila pembangkang sewenang-wenangnya menabur fitnah melulu, tanpa usul periksa mencipta naratif jahat hanya untuk

nafsu politik jahat mereka, ini satu politik yang tidak matang," ujarnya.

Beliau yang juga Ketua UMNO Bahagian Beruas, Perak menganggap naratif jahat seperti itu boleh mengundang tanggapan buruk rakyat terhadap institusi diraja dan kerajaan.

Oleh itu katanya, sesiapapun tidak wajar memburukkan institusi Raja-Raja Melayu dengan mereka cipta cerita palsu yang tidak bersandarkan fakta.

## Fitnah Sultan Ibrahim, enam individu kena siasat



MCMC pantau kandungan palsu dalam talian.

**BIADAP!** Itulah yang dapat digambarkan tentang tuduhan tidak masuk akal oleh enam individu yang dipercayai terlibat dalam memuat naik kandungan palsu dan jelik berhubung Yang di-Pertuan Agong Sultan Ibrahim dan Majlis Raja-Raja di platform media sosial Facebook.

Sebaran fitnah yang mula tular dalam media sosial itu, menyebabkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menjalankan siasatan terhadap mereka yang terlibat.

Siasatan ini melibatkan operasi pemeriksaan ke atas salah seorang suspek di Setapak, Kuala Lumpur, yang memuat naik kandungan palsu mengenai Mesyuarat Majlis Raja-Raja.

"Satu unit telefon pintar dan kad SIM yang berkaitan kes tersebut telah disita bagi membantu

siasatan. Analisis forensik akan dijalankan ke atas peranti tersebut untuk mendapatkan bukti lanjut," menurut MCMC menerusi kenyataan.

Selain itu, satu kes lain turut disiasat bersama pasukan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT)

PDRM dan suspek dijadualkan untuk memberikan keterangan, pada Rabu lalu.

"Operasi pemeriksaan susulan akan dijalankan sepanjang minggu ini ke atas suspek di lokasi berasingan di Sungai Petani, Kota Bharu, Kerian dan Teluk Intan,"

tambah MCMC.

Dua notis telah dikeluarkan kepada dua individu untuk hadir memberi keterangan mengenai kandungan yang dimuat naik oleh mereka di Facebook.

Siasatan dilakukan di bawah Seksyen 233(1)(a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588], yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara satu tahun, atau kedua-duanya sekali.

MCMC mengingatkan orang ramai untuk tidak memuat naik kandungan palsu di rangkaian dan aplikasi dalam talian, yang boleh mencetuskan panik dan kegusaran dalam masyarakat.

Orang ramai disarankan untuk menggunakan Chatbot AIFA di portal Sebenarnya.my atau aplikasi WhatsApp untuk memeriksa kesahihan berita yang tidak ditentusahkan dalam talian.

## MENARIK WILAYAHKU



### KUALA LUMPUR

**16/2/25:** KL Half Marathon @ Dataran Merdeka Kuala Lumpur

**16/2/25:** JomRun @ Dataran Merdeka

**27/4/25:** OCBC Cycle KL 2025 @ Dataran Merdeka

**23/5 - 1/6/25:** Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC



### PUTRAJAYA

**15/2/25:** Karnival Sukan sempena SHWP @ Kompleks Futsal Mokhtar Dahari, Presint 18

**15/2/25:** FT GORO/ FT Bloom @ Sekitar Putrajaya

**15/2/25:** Putrajaya Night Race @ Dataran Wawasan



### LABUAN

**1-28/2/25:** Bulan Tanpa Denda @ Perbadanan Labuan Perpustakaan Awam

**22/2/25:** Program Bersih-KAL WP @ Tempat Letak Kereta Medan Selera

**26 - 30/7/25:** Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

## TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

# MAHU TINGKAT PELUANG PEKERJAAN



Menjadi wakil rakyat pertama kali, bagaimana YB menyesuaikan diri berbanding sebelum ini yang hanya menjadi aktivis politik?

Sebagai wakil rakyat, tanggungjawab saya kini lebih luas. Sebagai aktivis, fokus saya kepada isu-isu tertentu, seperti memperjuangkan hak-hak wanita, pendidikan dan pembangunan masyarakat. Kini, saya memikul amanah mengurus dan memperjuangkan kepentingan seluruh komuniti di DUN Hutan Melintang.

Perbezaannya adalah skop tugas dan impak keputusan saya. Sebagai wakil rakyat, saya perlu memastikan setiap keputusan yang diambil membawa manfaat menyeluruh kepada rakyat. Saya juga perlu lebih bijak mengimbangi pelbagai keperluan masyarakat yang berbeza latar belakang. Selain itu, saya perlu mendengar lebih banyak apa juar persoalan dan keluhan dalam memahami isu dan bekerja rapat dengan jabatan kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), serta komuniti setempat.

**Apakah isu dan cabaran utama yang dihadapi rakyat di DUN Hutan Melintang?**

Antara cabaran utama di Hutan Melintang ialah isu infrastruktur, prasarana, peluang pekerjaan, peningkatan ekonomi tempatan dan akses kepada pendidikan serta penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Saya mengambil pendekatan dengan beberapa fasa, yang pertama adalah bekerjasama dengan agensi kerajaan untuk mempercepatkan projek pembangunan infrastruktur dan prasarana yang lebih baik, cekap, konsisten dan selamat.

Kedua, saya menganjurkan program keusahawanan dan latihan kemahiran untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Pendekatan ini bukan sahaja untuk menangani cabaran semasa tetapi juga untuk menyediakan platform jangka panjang bagi anak-anak muda agar mereka dapat mencapai potensi sepenuhnya seterusnya menyumbang kepada kemajuan kawasan dan negara.

Ketiga, saya membawa suara rakyat kepada kerajaan negeri dan persekutuan supaya Hutan Melintang tidak dipinggirkan dalam pembahagian dana pembangunan sekali gus dapat merealisasikan dua projek iaitu pembinaan klinik kesihatan tahap tiga dan pasar awam.

**Sudah pasti di kawasan YB turut menghadapi cabaran dalam isu pendidikan berikut ia dikategorikan sebagai luar bandar, apakah usaha yang telah dilakukan?**

**B**ERPENUANG berbakti di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Hutan Melintang memberikan makna mendalam buat Yang Berhormat (YB) **WASANTHEE SINNASAMY** yang sebelum ini bergelumang dalam aktivisme yang memperjuangkan hak wanita dan pembangunan masyarakat. Beliau menyedari tanggungjawabnya bukan sekadar komuniti tertentu, bahkan keseluruhan masyarakat dengan isu yang lebih kompleks dan pelbagai.

Mewakili DUN di Parlimen Bagan Datuk di bawah Timbalan Perdana Menteri, Wasanthee turut menyatakan banyak kelebihan apatah lagi aspek pembangunan dan kebijakan rakyat dapat dilaksanakan ekoran kepimpinan kerajaan negeri dan persekutuan seiring menjadikan tugasnya lebih mudah.

Kepada Wartawan Kanan Wilayahku, **AZLAN ZAMBRY**, Wasanthee bercerita mengenai perancangan masa depan DUN Hutan Melintang selain optimis bahawa kawasan yang diwakilinya akan lebih maju dan sejahtera selain meningkatkan peluang pekerjaan untuk generasi muda.



**WASANTHEE** menyampaikan sumbangan kotak makanan daripada Menteri Besar Perak kepada kaum Cina sebagai persediaan menyambut Tahun Baharu Cina baru-baru ini.

Terdapat masalah pelajar yang sukar menguasai kedua-dua bahasa iaitu Bahasa Melayu dan Inggeris, serta bilangan pelajar yang berhenti sekolah pada usia muda. Untuk menangani cabaran ini, saya melancarkan kelas tuisyen percuma bagi mata pelajaran bahasa Melayu dan bahasa Inggeris untuk murid tahun satu hingga tahun tiga supaya dapat membina asas literasi yang kukuh.

Selain itu, kami memberikan penghargaan kepada pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM, sebagai dorongan dan motivasi kepada pelajar lain untuk terus berusaha.

Saya turut memberi keutamaan kepada baik pulih infrastruktur di kawasan sekolah, termasuk membina dan menaik taraf bilik darjah, tandas dan kawasan rekreasi sekolah. Kami juga menaja pembinaan bilik STEM di beberapa sekolah, serta membekalkan papan putih, papan pintar, komputer riba buat pelajar pengajian tinggi, pendingin hawa dan televisyen pintar.

Untuk golongan belia, kami menaja yuran pendaftaran bagi lima

pelajar daripada keluarga B40 untuk melanjutkan pengajian mereka ke Kolej Komuniti, membuka peluang pendidikan TVET yang lebih luas kepada golongan muda.

**Sebagai sebahagian daripada kawasan Parliment Bagan Datuk yang diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri, apakah peluang atau kelebihan unik yang boleh dimanfaatkan oleh penduduk Hutan Melintang?**

Menjadi sebahagian daripada kawasan yang diwakili oleh Timbalan Perdana Menteri adalah satu kelebihan yang signifikan. Kedudukan ini membuka peluang untuk Hutan Melintang menerima perhatian dan sumber yang lebih baik.

Sebagai contoh, kami sedang bekerjasama dengan pihak persekutuan untuk menaik taraf Laluan FT069 dari Jalan Simpang Empat Hutan Melintang ke Parit 19 Bagan Datuk. Selain itu, projek pembinaan jambatan yang menghubungkan Sungai Air Tawar, Sabak Bernam ke Hutan Melintang sedang dalam pelaksanaan.

Bagi penduduk Hutan Melintang, kemudahan ini membuka peluang untuk akses yang lebih mudah ke bandar-bandar utama seperti Lumut, Manjung dan Sitiawan.

Projek perumahan rakyat turut diberi perhatian dengan pembinaan 500 unit rumah teres setingkat di Bagan Datuk, yang dijangka siap dalam masa 36 bulan.

**Apakah rancangan pembangunan jangka panjang YB untuk DUN Hutan Melintang bagi memastikan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan sosial?**

Saya mahu memastikan semua kampung mempunyai jalan berturap, bekalan air dan elektrik yang mencukupi serta membangunkan kawasan pertanian moden dan perikanan komersial.

Saya mahu menggalakkan pelaburan dalam industri kecil dan sederhana untuk membuka peluang pekerjaan. Selain itu, kami berusaha memohon program MyKiosk 2.0 di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk menyokong peniaga kecil dan sederhana.

Kami bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menganjurkan karnival kerjaya yang menawarkan peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, membantu mengurangkan kadar pengangguran dan meningkatkan taraf hidup masyarakat.

Dalam aspek pembangunan kesihatan dan kesejahteraan sosial, saya melihat ia satu segmen penting untuk memastikan penduduk hidup dengan sihat dan produktif. Kami merancang untuk melaksanakan lebih banyak program kesihatan dan program gotong-royong supaya masyarakat lebih terlibat dengan aktiviti kemasyarakatan.

Untuk perancangan masa depan, kami berusaha menubuhkan sebuah 'uptown' sebagai platform untuk usahawan kecil dan sederhana tempatan memasarkan produk mereka. Dengan menyediakan tapak perniagaan yang strategik, 'uptown' ini dijangka menjadi pusat tumpuan komuniti membeli-belah dan bersosial, sekali gus merancakkan ekonomi tempatan.

**Berdasarkan interaksi YB dengan masyarakat setempat, apakah keperluan dan keutamaan paling mendesak di Hutan Melintang?**

Keperluan mendesak rakyat di Hutan Melintang merangkumi beberapa aspek utama yang telah dikenal pasti seperti air bersih dan elektrik, serta pembangunan infrastruktur moden. Pasar awam sedang dinaik taraf dengan pemberian pada bumbung, siling dan fasiliti kebersihan untuk memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengunjung.

Selain itu, keperluan pengangkutan awam bagi meningkatkan aksesibiliti dan mobiliti penduduk amat diperlukan. Kekurangan perkhidmatan awam dan terminal perkhidmatan bas yang menyukarkan penduduk terutamanya pelajar dan warga emas dalam kehidupan sehari-hari.

Ketidaaan padang permainan dan kawasan riadah khusus juga keperluan penduduk terutamanya kalangan belia kerana ia sebuah platform bagi mereka menyerlahkan potensi dalam sukan.

Kami juga sedar bahawa ramai anak muda berhijrah ke bandar kerana kekurangan peluang pekerjaan di sini. Sebagai tindak balas, pelbagai inisiatif diperkenalkan, termasuk program insentif keusahawanan dan kerjasama dengan agensi kerajaan untuk membuka lebih banyak peluang pekerjaan tempatan. Perancangan sedang dibuat untuk membawa pelaburan termasuk cadangan pembinaan kompleks beli-belah yang boleh menjadi pusat ekonomi baharu serta merangsang pertumbuhan perniagaan kecil dan sederhana di kawasan ini.

Emine, Wan Azizah saksi LoE DBKL dan Yayasan Sifar Sisa

# TURKIYE PENANDA ARAS PENGURUSAN SISA

AZLAN ZAMBRY

**W**ANITA Pertama Turkiye, Emine Erdogan dan isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyaksikan Majlis Menandatangani Surat Pertukaran (LoE) melibatkan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Malaysia Green Technology Corporation (MGTC) bersama Yayasan Sisa Sifar (Zero Waste Foundation) di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.

Majlis LoE ini dibuat bagi menyerlahkan komitmen Kuala Lumpur dan Malaysia terhadap kelestarian alam sekitar serta bertujuan merintis kerjasama untuk mewujudkan rangka kerja usaha sama dalam amalan Sifar Sisa dengan memperkuuh dasar dan amalan menyokong inisiatif sifar sisa.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** dalam ucapannya berkata, lawatan Emine menggariskan hubungan yang mendalam dan berkekalan antara Turkiye dan Malaysia, khususnya dalam komitmen bersama untuk masa depan yang lebih hijau dan bersih.

“Di bawah naungan dan kepimpinan anda, dunia telah mengiktiraf keberkesanannya dasar pengurusan sisa di Turkiye, yang menetapkan penanda aras global untuk kehidupan mampan.

“Malaysia juga sedang mengorak langkah besar ke arah ekonomi kitaran dan kami amat menghargai



SURAT Pertukaran (LoE) yang ditandatangani Maimunah menyerlahkan komitmen DBKL terhadap alam sekitar.

peluang ini untuk belajar dari Turkiye,” katanya.

Maimunah turut berkongsi dasar bandar yang menggalakkan penggunaan yang bertanggungjawab, iaitu Program Sisa-ke-Kekayaan, yang menggalakkan kitar semula dan inisiatif Satu Komuniti, Satu Kitar Semula (1C1R), usaha kitar semula yang dipacu komuniti yang terus membantu bandar mengurangkan sisa tapak pelupusan.

“Puan Yang Terutama, kehadiran

anda di sini memberi peringatan yang kuat bahawa kemampunan bukan sekadar dasar tetapi cara hidup.

“Demi mencapai wawasan ini, ia memerlukan semua pendekatan masyarakat bersama-sama dan kita boleh membina model untuk bandar-bandar yang telah anda perjuangkan di peringkat nasional dan global. Melalui kami, anda mempunyai penyokong kuat dan rakan sifar sisa di rantau ASEAN.

“Semoga lawatan ini memberi

inspirasi kepada kerjasama yang lebih erat dan mengukuhkan visi bersama kami untuk dunia yang mampan dan bebas sisa,” katanya.

Surat-surat itu ditandatangani oleh Presiden Zero Waste Foundation, Samed Agirbas; Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Pengurus Lembaga Pengarah MGTC, Shareen Shariza Abdul Ghani.

Kerjasama antara Zero Waste Foundation bersama DBKL dan MGTC bermatlamatkan Pengurangan & Kitar Semula Sisa dan bertekad

untuk meningkatkan usaha untuk meminimumkan sisa dan menggalakkan program kitar semula.

LoE itu turut merangkumi Pembinaan Kapasiti & Pemindahan Teknologi dengan menganjurkan program latihan, pertukaran teknologi dan kemahiran pembangunan dalam usaha sifar sisa dan ia turut membabitkan Pertukaran Amalan Terbaik bagi memudahkan perkongsian pengetahuan mengenai prinsip sifar sisa di peringkat nasional dan antarabangsa.

Terdahulu, ketibaan Emine disambut oleh Wan Azizah Wan Ismail; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa; Ketua Pengarah Jabatan Wilayah Persekutuan, Datuk Noridah Abdul Rahim dan Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Datuk Nor Yahati Awang.

Beliau kemudian diberi peluang untuk bertemu dengan Maimunah dan pegawai kanan DBKL. Beliau turut mengalih perhatian kepada pengurusan sisa di Kuala Lumpur oleh DBKL, Renergy Bumi Hijau dan MGTC, Berjaya Enviro Parks Sdn Bhd, Green Unity Ventures, Persatuan Sosioekonomi dan Alam Sekitar (PERSEAS) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai.

Sebagai seorang penyokong terulung dunia untuk kelestarian alam sekitar, Emine turut menanam pokok Merbau (*Intsia palembanica, Leguminosae*) di kawasan taman. 

## Siap sedia anjur tiga acara penting

**DEWAN** Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bersiap sedia dalam menganjurkan tiga acara penting bertaraf antarabangsa sekali gus bakal menjadi perhatian dunia.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** berkata penganjuran tiga acara besar tahun 2025 ini adalah amat bermakna dan mencabar buat negara serta Kuala Lumpur.

“Pada 6 dan 7 Mei 2025, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke-46, dengan Kuala Lumpur sebagai lokasi utama persidangan ini.

“Sebagai bandar raya yang akan menjadi perhatian dunia, Kuala Lumpur perlu dipersiapkan sebaik-baiknya untuk memastikan kelancaran acara ini serta memberikan kesan positif kepada tetamu dari negara ASEAN dan dunia,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis meraikan



MAIMUNAH (tengah) dan pegawai kanan DBKL beramah mesra dengan Pengarang Media.

pengamal media di ibu negara Jumaat lalu.

Hadir sama Pengarah Eksekutif (Sosio Ekonomi), Ismadi Sakirin; Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek), Mohamad Hamim dan Pengarang Kanan Wilayahku, Abie Abdullah.

Menurut Maimunah, sebagai persediaan menghadapi sidang kemuncak ini, DBKL telah diberikan tanggungjawab untuk menganggotai Jawatankuasa Kecil Kesejahteraan Awam di peringkat nasional.

“Lanjutan dari itu, DBKL telah

menubuhkan Jawatankuasa Tindakan Kesejahteraan Bandar dan Jawatankuasa Tindakan Pengindahan Bandar bagi memastikan Kuala Lumpur sudah bersedia dari segi kebersihan, keindahan, kesejahteraan bandar, lalu lintas, penguatkuasaan serta penyelenggaraan infrastruktur,” katanya.

Menurut beliau, selain Sidang Kemuncak ASEAN, Kuala Lumpur juga akan menjadi tuan rumah kepada dua lagi acara besar iaitu Meeting of Governors and Mayors of ASEAN Capitals (MGMAC) dan Asian Sustainable Urban Forum yang dijadualkan berlangsung dari 10 hingga 15 Ogos 2025 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dengan kerjasama Urbanice Malaysia.

“Kehadiran pemimpin-pemimpin bandar utama di ASEAN dalam acara ini memberikan peluang kepada Kuala Lumpur untuk mempamerkan daya saingnya

sebagai bandar raya yang mampan dan inovatif.

“Justeru, sekali lagi, kami menyeru agar pihak media dapat membantu dalam membawa naratif positif mengenai Kuala Lumpur di peringkat serantau dan antarabangsa,” katanya.

Ujarnya, tahun 2025 bakal dipenuhi dengan pelaksanaan inisiatif penting setelah pelbagai perancangan strategik dirangka sebelum ini bagi memastikan Kuala Lumpur terus maju dan berdaya saing.

“DBKL memberikan tumpuan kepada lima bidang utama iaitu Pembangunan Terancang, Keterangkuman Masyarakat, Bandaraya Hijau dan Mampan Komunikasi yang Berkesan dan Reformasi Tadbir Urus untuk memperkasakan pengurusan bandar raya yang lebih cekap, telus dan berpandukan tatakelola,” katanya. 



Bil 301 . 14 - 20 FEBRUARI 2025

Februari  
Bulan Gembira

►►10-11

# KESEJAHTERAAN RAKYAT TERPELIHARA

AINI MAWAWI

**K**ERAJAN MADAANI di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim terus menunjukkan keprihatinan terhadap kesejahteraan rakyat dengan memperkenalkan beberapa inisiatif yang bersifat inklusif dan mampan. Apa yang nyata, ia memberih perasaan gembira kepada rakyat Malaysia.

Lima khabar yang membuatkan ramai teruja itu dilaksanakan pada bulan ini (Februari) yang terdiri daripada pengumuman bantuan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah, kenaikan gaji minimum, sokongan kepada penjawat awam dan pesara, Bantuan Awal Persekolahan (BAP) dan Sumbangan Tunai Rahmah (STR).

Ternyata perkara-perkara tersebut bukan sahaja merupakan langkah proaktif dalam menangani cabaran kos sara hidup, tetapi juga mencerminkan pendekatan ekonomi yang berpaksikan kesejahteraan rakyat. Dasar-dasar ini bukan sekadar bantuan jangka pendek, tetapi strategi holistik dalam mengukuhkan kestabilan sosial dan pembangunan negara.

Memberi pandangan terhadap perkara itu, Pensyarah Komunikasi Liberal, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, **Nurul Aishah Ab Raman** berkata, BAP adalah salah satu bentuk pelaburan dalam modal insan. Peruntukan sebanyak RM791.25 juta akan memberi manfaat kepada lebih 5.2 juta murid di seluruh negara.

"Kita sedia maklum pendidikan adalah kunci utama dalam

**NURUL AISHAH**

membangunkan modal insan dan memastikan masyarakat yang lebih berdaya saing. Bantuan kewangan ini bukan sahaja meringankan beban kewangan ibu bapa tetapi juga membuka lebih banyak peluang kepada pelajar untuk menumpukan perhatian kepada pembelajaran tanpa

tekanan ekonomi. Dasar ini juga memperkuatkkan agenda inklusiviti kerajaan dalam memastikan pendidikan berkualiti dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat.

"Peningkatan gaji minimum yang berkuat kuasa 1 Februari pula bakal dinikmati kira-kira 4.37 juta pekerja merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan dalam memastikan pendapatan pekerja sejajar dengan peningkatan kos sara hidup. Peningkatan gaji minimum bukan sekadar memberikan kelegaan ekonomi kepada pekerja, tetapi juga berperanan sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi domestik.

"Apabila pendapatan meningkat, kuasa beli rakyat turut meningkat, yang seterusnya merangsang sektor perniagaan dan perkhidmatan. Kesan limpahan ekonomi ini membawa manfaat kepada pelbagai sektor dan meningkatkan daya tahan ekonomi negara.

"Kita tahu kesan domino ekonomi ini apabila kualiti dan kesejahteraan rakyat ditingkatkan, akan mengurangkan potensi ketidakseimbangan sosioekonomi sekali gus mampu memberikan kestabilan politik dan sosial negara," ujar beliau kepada Wilayahku.

Tambahnya selain itu, STR yang diteruskan pada tahun ini bukti mekanisme menangani



ketidakseimbangan sosial yang dirintis sebelum ini, berjaya.

"Kita semua maklum, STR secara prinsipnya adalah satu bentuk dasar pengagihan semula kekayaan yang bertujuan mengurangkan kesenjangan sosial. Kajian dalam bidang sains sosial menunjukkan bahawa bantuan tunai yang disasarkan kepada golongan rentan berkesan dalam meningkatkan taraf hidup mereka dan membantu mereka keluar daripada kitaran kemiskinan.

"Langkah ini juga mencerminkan pendekatan kerajaan yang memahami keperluan rakyat serta menyesuaikan dasar ekonomi dengan realiti semasa.

"Keprihatinan kerajaan tidak terhenti setakat itu sahaja. Menerusi bantuan khas kepada penjawat awam dan pesara, kerajaan mengiktiraf sumbangan mereka

dalam sektor perkhidmatan awam dan memastikan kebajikan mereka terus terjaga.

"Langkah ini pastinya berjaya meningkatkan moral penjawat awam, tetapi juga memastikan sektor awam terus berfungsi dengan cekap dan berkesan. Pengiktirafan dalam bentuk bantuan kewangan juga mengukuhkan keyakinan kakitangan kerajaan terhadap kepimpinan negara, sekali gus meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat," ujarnya.

Mengulas lanjut, Nurul Aishah berkata, pengumuman pelbagai inisiatif oleh Kerajaan MADANI ini mencerminkan pendekatan ekonomi yang berteraskan keadilan sosial.

"Dengan pelaksanaan bantuan pendidikan, kenaikan gaji minimum, serta pemberian STR dan bantuan

kepada penjawat awam, kerajaan menunjukkan kesungguhan dalam memastikan kesejahteraan rakyat dan kestabilan ekonomi negara.

"Tentunya sebagai rakyat kita menyambut baik dan menyokong penuh usaha Kerajaan MADANI yang telah merangka strategi mampan dan holistik dalam membentuk masyarakat yang lebih adil, sejahtera dan inklusif.

"Dengan memberi tumpuan kepada pengagihan kekayaan secara adil dan meningkatkan taraf hidup rakyat, kerajaan bukan sahaja memastikan kelangsungan ekonomi negara tetapi juga mengukuhkan kestabilan sosial dan politik dalam jangka panjang," katanya.

Tegasnya, namun kejayaan jangka panjang inisiatif ini bergantung kepada pelaksanaan


**MALAYSIA MADANI**

**SENARAI BANTUAN FEBRUARI**

- Bantuan Awal Persekolahan RM150 untuk semua murid.
- Pembayaran gaji minimum RM1,700 berkuat kuasa 1 Februari.
- Bantuan tambahan Sumbangan Tunai Rahmah.
- Bantuan Kewangan penjawat awam RM500, pesara RM250.
- Bantuan disalurkan kepada golongan sasaran.

# Kenaikan gaji minimum tingkat kelayakan pinjaman rumah

**KENAIKAN** gaji minimum dari RM1,500 ke RM1,700 yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam Belanjawan 2025 sebelum ini menarik perhatian banyak pihak yang rata-ratanya meluahkan rasa syukur.

Ternyata kenaikan tersebut juga turut dilihat sebagai salah satu langkah menangani kos sara hidup namun dalam masa yang sama sedikit sebanyak membantu pekerja meningkatkan kelayakan mereka dalam permohonan pinjaman perumahan.

Bercakap kepada Wilayahku, Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), **Mohd Effendy Abdul Ghani** mencadangkan gaji minimum perlu dinaikkan secara progresif dan diselaraskan dengan peningkatan harga rumah serta kos sara hidup di setiap negeri.

Katanya, pengenalan Skim Khas Pinjaman Perumahan dengan kadar faedah rendah atau subsidi khas perlu diperkenalkan bagi membantu pekerja berpendapatan rendah membeli rumah pertama.

“Elaun Kos Sara Hidup (COLA)

ialah eluan tambahan untuk pekerja di bandar besar boleh membantu meningkatkan pendapatan boleh guna, sekali gus memperbaiki kelayakan pinjaman mereka,” ujarnya.

Beliau juga mendorong pelaksanaan dasar gaji bermaruah iaitu struktur gaji perlu mengambil kira tahap pendidikan dan kemahiran pekerja agar mereka tidak kekal pada kadar gaji minimum dalam tempoh yang lama.

Katanya, tanpa pelarasan gaji yang lebih menyeluruh, ramai pekerja golongan bawahan akan terpinggir daripada pasaran perumahan.

“Oleh itu, selain menaikkan gaji minimum, kerajaan juga perlu memperkenalkan insentif dan skim khas bagi memastikan pekerja ini berpeluang memiliki rumah pertama tanpa beban kewangan yang melampau,” katanya.

Sementara itu, Effendy berkata, MTUC turut mencadangkan kerajaan perlu menetapkan harga siling bagi rumah mampu milik yang disesuaikan

mengikut lokasi dan pendapatan isi rumah.

Katanya, bantuan kewangan seperti subsidi deposit, kadar faedah rendah atau pengecualian duti setem bagi pembelian rumah pertama perlu diperluaskan.

“Tanah milik kerajaan boleh dimanfaatkan untuk membina rumah mampu milik dengan kos lebih rendah tanpa melibatkan spekulasi harga tanah.

“Kerajaan perlu memperketat kawalan terhadap aktiviti spekulasi yang menyebabkan harga rumah meningkat secara tidak terkawal.

“Skim Sewa-Milik (Rent-to-Own) boleh diperluaskan bagi membantu pekerja yang tidak mempunyai simpanan besar untuk deposit rumah tetapi mampu membayar sewa yang akhirnya boleh ditukar kepada pemilikan rumah,” katanya.

Menurut Effendy, secara keseluruhan kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 adalah satu langkah positif, tetapi ia masih belum mencukupi untuk mengatasi masalah pemilikan rumah dalam kalangan pekerja berpendapatan rendah.

Katanya, kerajaan perlu menilai semula dasar gaji dan perumahan secara menyeluruh

serta memperkenalkan mekanisme kawalan harga rumah yang lebih efektif bagi memastikan lebih ramai rakyat Malaysia mampu memiliki rumah pertama tanpa dibebani hutang yang terlalu tinggi.

“Walaupun kenaikan gaji minimum kepada RM1,700 memberi sedikit kelegaan kepada pekerja, ia masih belum mencukupi untuk membolehkan mereka memiliki rumah pertama dengan mudah.

“Oleh itu, selain kenaikan gaji, kerajaan perlu melaksanakan langkah-langkah tambahan seperti skim pinjaman khas, subsidi pembelian rumah, serta kawalan harga harta tanah bagi memastikan lebih ramai pekerja berpendapatan rendah dapat memiliki rumah tanpa tekanan kewangan yang melampau,” katanya.

Effendy berkata, dalam jangka panjang, kenaikan gaji minimum perlu diselaraskan dengan realiti kos sara hidup, termasuk harga rumah dan perkhidmatan asas.

Katanya, MTUC juga menggesa kerajaan untuk memperkenalkan COLA bagi pekerja di bandar besar serta menguatkuasakan peraturan lebih ketat terhadap spekulasi harta tanah untuk memastikan harga rumah kekal dalam lingkungan yang mampu dimiliki rakyat Malaysia. 



MOHD EFFENDY

## Apa kata penerima manfaat

“ALHAMDULILLAH dengan Bantuan Awal Persekolahan yang diberikan kepada semua murid termasuk pelajar Tingkatan 6. Memandangkan persekolahan akan bermula pada bulan ini termasuk menyambut Ramadan dan Aidilfitri pada bulan depan, jadi ia sangatlah membantu meringankan beban ibu bapa.



“Saya lihat apa yang dilakukan kerajaan membuktikan betapa mereka mengambil berat dengan rakyat dan berusaha untuk membantu dengan sebaiknya.”

NAFARULAZIAN CHE NAN  
Kakitangan kerajaan

“KITA akui ramai yang merungut dengan kenaikan kos sara hidup pada hari ini namun ternyata di sebalik rungutan tersebut, pihak kerajaan berusaha sebaik mungkin dengan menaikkan Sumbangan Tunai Rahmah (STR) bagi mengurangkan beban kos perbelanjaan harian.



“Ia adalah perkara yang sangat ditunggu-tunggu. Bantuan tersebut dapat dimanfaatkan sebaik-baiknya untuk perbelanjaan keluarga terutamanya buat anak-anak yang bakal memulakan persekolahan.”

NUR NABILAH YUNUS  
Suri rumah

“ALHAMDULILLAH, ternyata kerajaan tidak pernah meminggirkkan golongan pesara. Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM250 ini saya kira sebagai satu bonus yang melihatkan kerajaan menghargai khidmat bakti kami suatu ketika dahulu.



“Terima kasih kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim di atas keprihatinan yang dizahirkan. Diharapkan lebih banyak lagi keistimewaan yang akan dinikmati oleh golongan pesara di negara ini pada masa hadapan.”

SAHARUDIN MAT ATAN  
Pesara polis

yang cekap dan pemantauan rapi.

“Dasar yang bersifat bantuan sementara perlu disertakan dengan inisiatif jangka panjang seperti peningkatan peluang pekerjaan berkualiti, pemerkasaan pendidikan teknikal dan vokasional (TVET), serta sokongan kepada sektor perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

“Dengan memastikan dasar-dasar ini berkembang secara strategik, Malaysia berpotensi menjadi sebuah negara yang lebih makmur, stabil dan mampu dalam dekad akan datang,” ujarnya. 

“SAYA melihat bantuan kewangan untuk penjawat awam sebanyak RM500 ini adalah sesuatu yang amat diperlukan pada masa yang tepat. Dengan duit tersebut dapatlah ibu bapa membuat persediaan untuk menyambut bulan Ramadan.



“Dalam keadaan ekonomi pada hari ini, biarpun ia bukanlah satu jumlah yang besar tetapi rakyat sangat bersyukur menerimanya. Semoga untuk tahun-tahun mendatang lebih banyak lagi bantuan yang dihulurkan.”

MOHD HASRIL SALEH  
Kakitangan kerajaan

“PENINGKATAN gaji minimum daripada RM1,500 kepada RM1,700 menceriakan hidup. Siapa yang tidak gembira lebih-lebih dalam keadaan sekarang. Saya ingin mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada kerajaan kerana menekankan keadilan sosial dan kesejahteraan rakyat.



“Sekurang-kurangnya dengan peningkatan gaji ini, saya dapat merancang kewangan dengan lebih baik, mewujudkan tabung kecemasan bagi mengelakkan berhutang dan sebagainya. Melalui itu juga, saya sudah boleh memikirkan peluang untuk memiliki kediaman sendiri melalui peningkatan kelayakan pinjaman rumah.”

KAHIRUL ANWAR BAHARUDIN  
Ketua Pegawai Keselamatan


**SHUAIB AYOB**

**M**ALAYSIA Sarong Music Run 2025 merupakan acara menyatukan masyarakat dari segenap lapisan umur untuk menggalakkan gaya hidup aktif sambil memperkenalkan produk pelancongan Malaysia.

Larian istimewa itu menyerlahkan kepelbagaiannya budaya negara menerusi laluan dengan pemandangan indah, persembahan kebudayaan, muzik tradisional dan pertunjukan masakan sekali gus meraikan warisan dan perpaduan Malaysia dalam suasana yang meriah dan terangkum.

Acara anjuran Keretapi Sarong, Locco itu menonjolkan budaya negeri-negeri di Malaysia.

Malaysia Sarong Music Run 2025 dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Turut hadir Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif.

Seramai lebih kurang 10,000 peserta menyertai dua kategori iaitu tiga dan lima kilometer jalan kaki, Lensa Wilayahku turut hadir untuk merakamkan kemeriahan suasana. 







# KARNIVAL WILAYAH PERSEKUTUAN KITA

7.00 PAGI - DATARAN  
10.00 MALAM | MERDEKA

15-16 FEB 2025

JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA



# WILAYAH PERSEKUTUAN Harmoni



**15 & 16 FEBRUARI | 8.00 MALAM hingga 11.00 MALAM**

**Dataran Merdeka, WP Kuala Lumpur**



KU SEMAN KU HUSSAIN

**M**EDIA sosial telah mengubah banyak perkara berkaitan kehidupan manusia, salah satunya makna 'kawan' seperti yang difahami sebelum abad ke-21. Kawan ertiannya orang yang dekat selain keluarga dan sering berhubungan dalam semua hal berkaitan kehidupan masa kini dan hari depan.

Jumlah kawan kepada seseorang membentuk satu lingkaran yang saling berhubung antara satu dengan lain. Saling berbicara tentang kecenderungan dan minat yang sama selain mempunyai pola fikir yang pada relatifnya selari antara satu dengan yang lain. Itulah kawan yang kita semua fahami selama ini.



PENULIS BEBAS


Bagaimanapun dengan wujudnya media sosial, istilah 'kawan' sudah jauh tersasar daripada makna asal. Semua itu disebabkan adanya teknologi yang menghubungkan manusia dari seluruh pelosok dunia. Makna 'kawan' sudah tidak sama dalam pengertian sosial sebelumnya, melebar jauh dan hanya terkait secara teknologi sahaja.

Kalau dahulu antara kawan bukan sahaja saling berhubung, malah amat mengerti sikap dan pemikiran semua yang berada di sekeliling. Amat faham tentang perwatakan, kelebihan maupun kekurangan. Kawan juga menjadi tempat pertama untuk meminta bantuan – tidak sahaja pandangan atau dukungan moral tetapi juga kewangan.

Bagaimanapun kawan yang beribu-ribu jumlahnya di media sosial tidak mengenali antara satu dengan lain, kalau terkait pun hanya sekali sekala memberikan tanda 'like' pada hantaran di media sosial. Sekalipun begitu banyak yang berbangga mempunyai beribu-ribu kawan di alam maya.

Itu belum lagi kawan-kawan yang hanya kenal rupa tetapi tidak ingat nama di luar alam maya. Pendek kata kalau sesekali masuk ke majlis, banyaklah yang bersalam dan menepuk bahu antara satu dengan lain. Bahkan sekali kata 'hai' pun sudah dianggap kawan pada era manusia dahagakan untuk menjadi popular.

Ironinya sudah ada kecenderungan dalam kalangan masyarakat untuk mengurangkan 'kawan' – yang tidak ada pertautan daripada segi kecenderungan dan pemikiran. Malah menyaring sesetengah yang lebih membawa



TEORI Dunbar Number menyatakan kira-kira lima hingga 150 orang sahaja jumlah kawan dalam pengertian sebenarnya.

## LINGKARAN KECIL YANG MEMBINA

toksik dalam kelompok dan tidak membantu membentuk ruang legar yang sihat.

Ketika golongan yang perasan popular berbangga dengan 'kawan' dan 'pengikut' yang berjuta di media sosial, ada yang mahu kembali pada makna kawan yang sebenar dan berusaha mengecilkan kelompoknya. Mereka berpijak di bumi nyata bahawa kawan adalah mereka yang berada dalam lingkaran geografi paling dekat dan hubungan jiwa paling akrab.

Pernahkah kita terfikir berapakah jumlah kawan yang ideal dalam menjalani kehidupan pada masa ini? Apakah cukup setakat berbelas orang sahaja, 50 orang, 100 orang, 300 orang atau iguan lebih liar lagi hendak sama seperti pempengaru (influencer) yang punya ratusan ribu malah jutaan pengikut?

Cukup. Jangan mengigau terlalu liar. Lupakan tentang pempengaruh dan hiduplah dengan berpijak di bumi nyata. Kita tidak memerlukan lingkaran sebesar itu kerana hakikatnya kawan sebenar tidak sebanyak itu. Biarlah jumlahnya kecil tetapi berkualiti dan saling mendapat manfaat dalam kegiatan

berkawan itu.

Dalam bidang sains sosial terdapat kajian khusus mengenai kelompok kawan seperti itu yang disebut sebagai lingkaran sosial (social circle). Ahli sosiologi, psikologi dan antropologi sudah banyak mengkaji kewujudan dan manfaat lingkaran yang menjadi salah satu struktur dalam masyarakat.

Ahli antropologi Robin Dunbar misalnya menggariskan bahawa setiap manusia secara idealnya hanya perlu mempunyai lingkaran sosial yang kecil terdiri daripada 150 orang kawan sahaja. Tentu ada yang berkata, ah sedikitnya. Tidak berpeluang untuk menjadi popular.

Memang benar, jumlahnya kecil dan sedikit. Namun itulah yang sebenarnya malah hal itu selari dengan struktur sosial tradisional kita di kampung-kampung suatu waktu dulu. Eloq juga kalau kita menoleh bagaimana orang kampung membina lingkaran dalam kalangan jiran tetangga dan sahabat handai yang terdekat jaraknya.

Tidak sekadar menjadi jiran tetangga, sebaliknya lebih utama berbanding sanak saudara yang berada jauh. Walaupun tidak banyak yang menjadi ahli lingkaran itu, tetapi mampu memainkan peranan yang berkesan antara satu dengan lain. Malah lebih dipercayai atau boleh diharapkan apabila memerlukan pertolongan sama ada tenaga, wang ringgit atau moral.

Orang kampung kenal rapat antara satu dengan lain, malah memahami hampir semua perwatakan rakan yang mendiami satu radius geografi yang pada relatifnya kecil. Kefahaman dan keakraban sebagai ahli yang hidup dalam satu petempatan menyumbang pada keharmonian serta membina peribadi.

Dunbar yang menghasilkan teori Dunbar Number menggariskan beberapa lapis antaranya lingkaran yang paling kecil hanya terdiri lima orang (yang paling rapat), 15 orang (kawan rapat), 50 orang (hanya dianggap kawan) dan 150 orang (orang yang sering berhubungan dengan kita).

Itulah sahaja jumlah kawan dalam pengertian yang sebenarnya. Itulah lingkaran sosial yang munasabah kerana kemampuan manusia untuk berhubung antara satu dengan lain ada hadnya. Jumlah itu adalah suatu angka yang ideal untuk sebuah lingkaran sosial kita.

Maka jangan cepat terpedaya dengan

muslihat dan permainan media sosial. Beribubu yang diangkat sebagai 'kawan' itu tidak ada signifikan daripada sudut lingkaran sosial. Peranan lingkaran sosial adalah membentuk ahli-ahli pada beberapa persamaan dan saling berhubung dalam kehidupan sebenar.

Jadi, tidak perlulah berbangga melulu kerana mempunyai 'kawan' yang beribubu dan jutaan pengikut di media sosial. Jumlah itu tidak memberikan makna dalam kehidupan seseorang. Tambahan pula tidak boleh dipastikan kualitinya – adakah seperti lalat atau lebah.

Bagaimana pula hendak menyaring lingkungan kawan-kawan itu supaya lebih berkualiti sekali gus boleh membentuk kehidupan yang sempurna? Kehidupan di bandar besar seperti Kuala Lumpur dengan sendirinya mendedahkan diri pada keluasan jaringan sosial.

Salah satu bentuk tindakan dalam menguruskan lingkungan tadi adalah dengan mengecilkan seboleh yang mungkin, maka yang ada itu adalah benar-benar terkait dengan antara satu dengan lain. Sekalipun lingkungan itu kecil tetapi berkualiti kerana semuanya terkait oleh aras pemikiran, kecenderungan, minat dan sikap dalam bersosial.

Lingkaran sosial merupakan bahagian yang tidak terpisahkan daripada kehidupan manusia. Seiring perkembangan teknologi dan interaksi sosial yang semakin canggih, sering kali juga kita tergoda untuk mengukur populariti berdasarkan jumlah kawan atau kenalan.

Bagaimanapun hakikatnya kuantiti bukanlah penentu kualiti. Kualiti dalam lingkaran sosial hanya dibuktikan dengan hubungan yang akrab, lebih bermakna dan memberikan hasil positif dalam pembentukan peribadi seseorang.

Maka, lebih baik berada dalam lingkaran kecil yang membawa manfaat berbanding lingkaran besar yang penuh toksik. Orang yang berjaya bukan kerana memiliki kawan yang banyak, tetapi ada orang dalam lingkaran yang sedia membantu, berbagi kebahagiaan maupun kesedihan bersama-sama.

Jadi, janganlah cepat kecewa kalau ada yang berkata, "Circle dia tu orang biasa-biasa saja."

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

### RAGAM KOTA



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:  
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.  
Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com

Pemindahan taman permainan antara inisiatif jayakan Santuni MADANI

# KAMPUNG PERTANIAN KULAI DAPAT SENTUHAN PPJ

AZLAN ZAMBRY

**KAMPUNG** Pertanian Kulai, Johor yang dipilih menjadi kampung angkat kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Dr Zaliha Mustafa**, mendapat sentuhan Perbadanan Putrajaya (PPj), agensi di bawah Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) untuk membantu infrastruktur dan kemudahan di kampung tersebut.

Menurut Zaliha, Kampung Pertanian dipilih menyertai Program Satu Pemimpin Satu Kampung atau dikenali sebagai Santuni MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berikutan ia dekat di hati beliau selama ini.

"Kampung Pertanian ini dekat dengan hati saya sebab staf-staf dan pesakit-pesakit saya di Klinik Murni ramai yang berasal dari sini.

"Jadi, saya memilih untuk kembali berbakti di sini. Lama juga saya ambil masa untuk pilih kampung mana

yang akan jadi kampung angkat saya," katanya.

Zaliha berkata, untuk membantu infrastruktur di sini, beliau meminta bantuan PPj untuk turun dan melihat keperluan yang boleh dilaksanakan.

"Selepas beberapa siri libat urus diadakan, kami telah kenal pasti dan ada yang telah kami laksanakan, ada juga sedang dalam fasa pelaksanaan.

"Antara yang kami laksanakan adalah pemindahan taman permainan kanak-kanak dari Taman Empangan Putrajaya ke Dataran Mahkota, Kampung Pertanian dengan *integrated play structure* dan lantai jenis *seamless rubber*.

"Selain itu, penyediaan enam unit *fitness station* dan tujuh unit kerusi taman di sepanjang laluan pejalan kaki di tepi Sungai Skudai dan penanaman pokok manggis di sekitar Dataran Mahkota sebagai sebahagian daripada usaha

penghijauan kampung," katanya.

Beliau turut membawakan konsep kebun komuniti yang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan, khususnya di Putrajaya.

"Saya maklum pada Tuan Pegawai Daerah, kalau hendak panjangkan ke Kulai, kami boleh bantu (aspek) kepakaran," katanya.

Ujar beliau, sekiranya program Santuni MADANI ini dilaksanakan oleh semua pemimpin dengan penuh fokus serta pembabitan aktif masyarakat setempat, pelbagai lagi masalah boleh diselesaikan sekali gus boleh dijadikan model kejayaan program ini.

Hadir sama Timbalan Ketua Pengarah JWP, Datuk Thomas @ Parang Abai; Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud; Pegawai Daerah Kulai, Fizwan Mohd Rashidi dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu), Mohd Fahmi Salam. 



ZALIHA (tengah) menyaksikan simbolik penyerahan plak oleh Fadlun kepada Mohd Fahmi dalam Program Santuni MADANI Ahad lalu.

## YWP kukuh kerjasama

**YAYASAN** Wilayah Persekutuan (YWP) sentiasa bergerak aktif melaksanakan matlamatnya dalam membantu menaik taraf hidup golongan berpendapatan rendah di seluruh Wilayah Persekutuan (WP).

Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed** berkata, bagi memperkuatkannya lagi serta memastikan setiap perancangan dapat dilaksanakan sebaiknya terutama di WP Labuan, pihaknya menerima kunjungan hormat delegasi Perbadanan Labuan (PL) di ibu pejabat YWP baru-baru ini.

"Kami telah mengadakan satu perbincangan yang bertujuan memperkuatkannya hubungan strategik antara kedua-dua organisasi serta meneroka peluang kerjasama yang berpotensi memberi impak positif kepada pembangunan wilayah," katanya.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif PL, Mohd Sukuran Taib dan Ketua Unit Penyelaras, Pemantauan dan Penilaian Impak, Shahrullizam Sapar.

Abdul Basir berkata, pelbagai program telah dirangka yang tertumpu kepada lima aspek utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T) buat ketiga-tiga WP.

"Kami akan memastikan Labuan tidak dipinggirkan dan menerima setiap bantuan yang disediakan antaranya untuk Bantuan Awal Persekolahan, YWP telah menyerahkan *mock cheque* kepada Jabatan Pendidikan WP Labuan pada 1 Disember 2024 bagi membantu



ABDUL BASIR (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Mohd Sukuran di atas kunjungan hormat PL.

pelajar-pelajar yang terpilih.

"Selain itu, kami juga mempunyai Bantuan Pemakanan Sekolah Menengah yang dilaksanakan sejak tahun 2018 di mana seramai 2,000 pelajar di Labuan telah menerima manfaat ini pada tahun 2024.

"Antara bantuan lain adalah Skim Dermasiswa Sekolah Menengah dan Rendah, Anugerah Pelajar Cemerlang, Seminar Kecemerlangan SPM, Program Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET)," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Basir

berkata, dari sudut ekonomi pula Program Pembangunan Usahawan Skim Mikro Kredit akan diteruskan di mana pinjaman modal perniagaan diberikan khusus kepada peniaga dan penjaja berlesen di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

"10 usahawan di Labuan telah dikenal pasti melibatkan pinjaman sebanyak RM5,000.

"Bagi komponen sosial, kami akan mewujudkan Pusat Pemerkaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) di Program Perumahan Rakyat (PPR) Batu Arang, Labuan," katanya. 

## Hapus diskriminasi

**WANITA** tidak hanya memainkan peranan penting dalam keluarga, tetapi turut menjadi peneraju dalam pembangunan masyarakat dan negara.

Justeru itu, 'Wanita Beraspirasi Membina Legasi' telah diangkat sebagai tema Sambutan Hari Wanita tahun ini.

Menurut Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWK), **Datuk Seri Nancy Shukri**, tema tersebut mengangkat usaha wanita untuk mencipta perubahan yang berkekalan.

"Wanita adalah tulang belakang kemajuan dalam ekonomi, sosial dan politik.

"Semua pihak hendaklah terus komited dalam menghapus sebarang bentuk kekerasan terhadap wanita serta menggalakkan lebih ramai wanita untuk menduduki jawatan dalam kepimpinan negara dan mengambil bahagian aktif dalam proses membuat keputusan," katanya dalam satu kenyataan.

Nancy berkata, logo yang dilancarkan merupakan simbol harapan dan optimisme selari dengan tema sambutan Hari Wanita Antarabangsa 2025 yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), iaitu For ALL

Women and Girls: Rights. Equality. Empowerment.

"Pemilihan tema dan logo yang dilancarkan dibuat dengan aspirasi agar lebih banyak tindakan diambil untuk membuka ruang kepada hak, kuasa dan peluang yang sama rata serta mewujudkan masa hadapan yang lebih inklusif," katanya.

Jelasnya, penganjuran pelbagai program bersempena Sambutan Hari Wanita akan dilaksanakan bagi memperkasakan wanita secara lebih meluas, meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan kesaksamaan gender dalam kalangan masyarakat setempat dan menggalakkan sinergi antara pelbagai pihak berkepentingan termasuk agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk memperjuangkan hak dan kebajikan wanita pada setiap peringkat.

"Antara acara utama yang akan berlangsung termasuk forum dan seminar bagi menampilkan wanita-wanita berjaya serta tokoh terkemuka yang telah berusaha keras dalam memperjuangkan hak dan peluang yang lebih baik untuk wanita," ujar beliau. 

# ERDOGAN TINGGALKAN KENANGAN MANIS DI MALAYSIA

ZULKIFLI SULONG

**S**ELEPAS dua hari di Malaysia, Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan meninggalkan kenangan manis untuk kerajaan Malaysia, sebuah kereta elektrik kebanggaan Turkiye dan pesanannya agar Kerajaan Perpaduan tidak boleh berpecah.

Erdogan secara bersahaja meninggalkan pesanan ini kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Menteri Luar,



PENULIS BEBAS

another okay."

"Kamu jangan berpisah antara satu sama lain, okey," kata Erdogan serentak merapatkan dua jari telunjuknya simbol agar bersatu padu.

Anwar adalah Pengurus Pakatan Harapan manakala Mohamad adalah Timbalan Presiden UMNO.

Kenyataan secara bersahaja tetapi serius daripada Erdogan ini disambut dengan lai tawa oleh semua yang ada di sekeliling mereka bertiga.

Di sebalik lai tawa itu, ramai yang terpegun dengan penterjemah yang dibawa khas Erdogan ke kunjungan beliau ke Malaysia kali ini. Wajah beliau ketika menterjemahkan kata-kata Erdogan itu menjadi sorotan media dan tular di media sosial.

Fatima merupakan anak sulung Dr Merve Safa Kavakci yang pernah berkhidmat sebagai Duta Turkiye di Malaysia dari Disember 2017 hingga Jun 2022.

Selaku Duta Turkiye ke Malaysia, Dr Merve juga pernah berkhidmat sebagai ahli Lembaga Gabenor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Dr Merve ada sejarah panjang dalam dunia



KENDERAAN yang dihadiahkan adalah sebagai tanda persahabatan kedua-dua negara.

politik Turkiye, menjadi ahli parlimen wanita pertama Turkiye yang dipecat daripada jawatan kerana berhijab atau memakai tudung pada Mei 1999.

Keakraban hubungan diplomatik Malaysia dan Turkiye dalam beberapa tahun kebelakangan ini ada kaitannya dengan peranan ibu dan anak ini.

Hubungan baik antara Anwar dan Erdogan telah menyebabkan pemimpin yang sudah 22 tahun mentadbir Turkiye itu meluangkan masa selama dua hari di Malaysia berbanding Indonesia dan Pakistan yang masing-masing hanya satu hari sahaja dalam kunjungan empat hari ke luar negara Erdogan itu.

Kerajaan Malaysia dibentuk hasil gabungan pelbagai parti dengan Pakatan Harapan dan UMNO menjadi tulang belakang kerjasama ini.

Peranan Presiden UMNO, yang kini Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi amat besar dalam pembentukan Kerajaan Perpaduan ini.

Tanpa kerjasama yang terjalin sejak sekian lama antara Anwar dan Zahid, amat sukar Kerajaan Perpaduan untuk ditubuhkan.

Oleh itu, amatlah benar pesan Erdogan

agar Anwar yang mewakili PH dan Tok Mat, timbalan Zahid yang mewakili UMNO ini agar kedua-dua kekal bersatu.

## KERETA TOGG

SEMASA di Malaysia, Erdogan telah menghadiahkan sebuah kereta elektrik (EV) buatan Turkiye, Togg untuk PM Anwar bagi pihak negara ini. Kereta ini adalah lambang pembangunan industri di Turki.

Anwar yang juga Menteri Kewangan telah memandu kenderaan utiliti sukan (SUV) elektrik sepenuhnya itu ke Kompleks Seri Perdana bersama Erdogan.

Ia bagi menyaksikan pertukaran perjanjian, sidang media bersama serta jamuan makan tengah hari. Erdogan yang dalam lawatan rasmi dua hari ke Malaysia diberikan sambutan negara di Kompleks Perdana Putra.

Beliau dan Anwar mengadakan pertemuan empat mata selama hampir satu jam, serta mesyuarat dua hala.

Ketika berucap pada Perhimpunan Bulanan Jabatan Perdana Menteri, Anwar berkata, beliau akan memulangkan kenderaan itu

kepada negara apabila tidak lagi menduduki jawatan Perdana Menteri memandangkan Erdogan menghadiahkan kereta EV itu kepada Perdana Menteri.

Untuk rekod, Togg (Turkiye'nin Otomobili Girişim Grubu) secara rasmi menjadi pengeluar EV nasional utama pertama Turkiye pada 29 Oktober 2022 dengan melancarkan model EV pertama mereka, Togg T10X.

Tarikh tersebut dipilih bersempena ulang tahun ke-99 Republik Turkiye. Syarikat itu bagaimanapun ditubuhkan pada 2018 dan mendapat sokongan penuh kerajaan Turkiye sebagai projek strategik untuk membangunkan industri automotif tempatan yang lebih maju dan kurang bergantung kepada jenama asing.

Lambang pembangunan industri Turkiye bukan pada kereta Togg itu sahaja tetapi pembinaan dron Bayraktar, jet pejuang KAAN yang setaraf dengan jet-jet pejuang buatan Amerika atau China dan juga perkembangan teknologi AI.

Ia disebut sendiri oleh Anwar ketika memberikan ucapan bersama Erdogan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

"Kejayaan pembangunan dron Bayraktar adalah kebangkitan industri mereka. Projek kenderaan elektrik Togg, perkembangan pesat teknologi angkasa dan kemampuan kecerdasan buatan (AI), semuanya membuktikan Turkiye enggan dibelenggu dengan masa silam yang suram.

"Kini ia benar-benar menghargai erti liberalisasi dan kebebasan yang mampu melonjak Turkiye menjadi lebih maju," kata Anwar yang kali terakhir mengadakan lawatan ke Turkiye dan bertemu Erdogan pada Oktober 2023.

Tanpa hubungan baik kedua-dua sahabat ini, kunjungan Erdogan ke Malaysia akan kurang bermakna. Kini hubungan baik ini juga sedang diusahakan agar manfaatnya turut melimpah untuk rakyat negara ini, bukan untuk Anwar dan keluarga sahaja.

**SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.**

## Pasar Dato' Keramat perlu wajah baharu



**SETELAH lama tertangguh, projek pembangunan semula Pasar Dato' Keramat, Kuala Lumpur, akan dimulakan suku pertama tahun ini. Perkara ini diumumkan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa.**

Kawan-kawan Kedai Kopi percaya tentunya ini berita gembira untuk peniaga dan pengunjung pasar berkenaan. Ini kerana pasar yang telah berusia 50 tahun itu sudah uzur dan tidak kondusif lagi.

Sebuah lagi pasar utama, Pasar Chow Kit, telah lama melalui perubahan. Namun Pasar Dato' Keramat masih berada pada tahap lama sedangkan ia menjadi tumpuan utama penduduk sekitarnya.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang melawat pasar tersebut pada 26 Julai tahun lalu menyifatkan pasar itu sangat daif. Beliau mahu Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur (DBKL) memberi perhatian dan keutamaan bagi pembangunan semula pasar berkenaan.

Sejajar pengumuman Dr Zaliha, pihak DBKL akan segera menjalankan proses bancian bagi membolehkan jumlah sebenar peniaga di pasar tersebut dikenal pasti. Bancian ini bagi memastikan tiada yang tercincir memperoleh lot niaga apabila projek siap kelak.

Memandangkan usia Pasar Dato' Keramat sudah lima dekad, ia bukan sahaja tidak selesa untuk peniaga dan pengunjung tetapi juga mendedahkan mereka kepada risiko keselamatan.

Cara terbaik ialah membina pasar baharu yang moden dan selamat. Inilah hasrat Anwar yang begitu prihatin. Projek sesuai dijalankan secara berfasa untuk memastikan kegiatan perniagaan sedia ada tidak terjejas.

## Rapid Bus tambah laluan

**TIADA apa yang lebih diutamakan oleh pengguna pengangkutan awam selain perkhidmatan yang efisien - perjalanan yang pantas dan masa menunggu tidak terlalu lama.**

Ini khususnya bagi perkhidmatan bas yang sering terperangkap dalam kesesakan lalu lintas di ibu kota, terutama pada waktu puncak. Saban hari terpaksa bergelut dalam kesesakan.

Lantaran itulah pada hemat kawan-kawan Kedai Kopi, orang ramai 'letih' menaiki bas memandangkan jangka masa perjalanan tidak pasti.

Keadaan ini berbeza dengan Transit Aliran Ringan (LRT), Aliran Transit Massa (MRT) dan monorel yang mempunyai laluan sendiri, bebas daripada kesesakan jalan raya.

Namun sementara lebih ramai memilih

tren, ramai pula yang masih bergantung kepada bas. Kerajaan juga sentiasa berusaha memastikan perkhidmatan bas memenuhi cita rasa pengguna.

Antara langkah diambil ialah menyediakan laluan khas bas di beberapa kawasan di ibu kota agar pergerakan bas lebih lancar, tidak terperangkap dalam kesesakan. Di samping itu, Rapid Bus juga memperkenal empat laluan baharu bagi Rapid KL On-Demand.

Kawan-kawan Kedai Kopi puji usaha ini. Empat laluan yang bermula 1 Februari lalu merangkumi Taman Desa-Jalan Klang Lama; LRT Bangsar-Taman Bandaraya; MRT Putrajaya Sentral-Presint 11 dan Taman Genting Setapak-Setapak.

Pengenalan laluan baharu ini mampu memendekkan masa menunggu sehingga 10 minit.



# LINDUNGI DATA PERIBADI

Hindari **PENIPUAN DALAM TALIAN**

Pada era digital, penipuan dalam talian semakin berleluasa dengan pelbagai taktik licik. Ramai menjadi mangsa akibat kurangnya kesedaran dan kewaspadaan. Kempen ini mengajak masyarakat untuk lebih berhati-hati dalam berkongsi maklumat peribadi dan membuat transaksi kewangan. Lindungi diri anda dengan sentiasa menyemak kesahihan sebelum bertindak!



Suruhanjaya Komunikasi  
dan Multimedia Malaysia



MCMC\_RASMI



skmm\_mcmc



MCMCTV



PELBAGAI program menarik diadakan sepanjang SHWP.

PL nafi dakwaan SHWP 2025 tak meriah

## SIAPA KATA HAMBAR?

KHAIRUL IDIN

**P**ERBADANAN Labuan (PL) menafikan dakwaan yang dilemparkan oleh segelintir pihak bahawa penganjuran Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2025 (SHWP) peringkat pulau ini hambar.

Menurut Timbalan Pengerusinya, **Simsudin Sidek**, sepanjang bulan SHWP Jabatan Wilayah Persekutuan (JWP) menerusi PL telah menyusun pelbagai program dan acara.

Katanya, dakwaan yang dilemparkan kepada PL adalah tuduhan tidak berasas malah program dan acara yang dianjurkan PL mendapat sambutan baik warga pulau.

"Bagi saya, dakwaan seperti mana yang disuarakan oleh segelintir pihak itu adalah tidak benar, kerana sepanjang SHWP tahun ini kami (PL) menganjurkan pelbagai program antaranya Majlis Pelancaran SHWP 2025, Half Marathon dan Larian Hari Wilayah Persekutuan yang disempurnakan

oleh Ketua Pengarah JWP, Datuk Indera Noridah Abdul Rahim, Pertandingan Kayak Fishing Labuan dan Program Bersih-KAL WP.

"Apa yang lebih bermakna lagi SHWP kali ini, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa meluangkan masa ke Labuan untuk meraikan SHWP bersama-sama warga Labuan pada 25 Februari ini. Ini jelas menunjukkan SHWP di pulau ini tidak seperti yang didakwa."

"Selain itu, pada tahun ini kami julung kalinya menganjurkan program yang menggabungkan

Sambutan Tahun Baharu Cina dan SHWP secara serentak di Dataran Labuan. Penganjuran itu bukan sahaja menjadi medium dalam mengukuhkan semangat perpaduan malah memberikan manfaat dan meningkatkan ekonomi setempat kepada penduduk khususnya para

peniaga kecil," katanya kepada Wilayahku.

Dalam pada itu, Simsudin menolak dakwaan penganjuran SHWP dari sudut kempen kibar bendera dan program-program di peringkat kampung kurang diberikan penekanan oleh PL pada tahun ini.

Katanya, pihaknya sentiasa memberikan kerjasama kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK).

"Saya tidak mahu menyalahkan mana-mana pihak, namun bagi saya setiap kampung mempunyai peranan masing-masing dalam merancang penganjuran program dan tidak hanya mengharapkan usaha daripada PL sahaja."

"Seperti acara pertandingan berculuk SHWP yang saban tahun diadakan, bagi saya penganjuran ini perlu diteruskan dari segi perancangan di setiap kampung di pulau ini agar suasana SHWP itu dapat dimeriahkan lagi bukan sekadar di kawasan bandar sahaja," katanya.



SIMSUDIN

## Surau Al-Kausar dibina melalui projek wakaf tunai

**JABATAN** Kesihatan Labuan bakal memiliki sebuah surau baharu bernilai RM547,000 di Klinik Kesihatan Membedai pada tahun ini menerusi Projek Wakaf Tunai Khas Surau Al-Kausar.

Bangunan surau baharu yang mampu menampung sebanyak 200 jemaah dalam satu masa itu merupakan hasil kerjasama Jabatan Kesihatan Labuan dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) dalam menguruskan kutipan dana.

Menurut Timbalan Pengerusi MAIWP, **Datuk Dr Sirajuddin Suhaimee**, projek pembinaan surau di

tapak tanah milik Jabatan Kesihatan Labuan dengan keluasan 11,000 kaki persegi itu merupakan projek pertama dilaksanakan di pulau itu.

Katanya, kutipan wakaf yang dilancarkan pada 14 Februari lalu menyasarkan tunai sebanyak RM547,000 bagi menampung kos keseluruhan projek pembinaan surau berkenaan.

"Pembinaan boleh dimulakan sebaik sahaja dana wakaf yang terkumpul mencapai 50 peratus (%) kutipan."

"Alhamdulillah, saya difahamkan hasil kutipan semasa sehingga ke hari ini, berjaya mengumpulkan ini.

sebanyak RM391,256.35, iaitu lebih 50% daripada kos yang diperlukan. Ini menunjukkan kesedaran dalam kalangan masyarakat Islam di pulau ini khususnya menyumbang pembangunan surau baharu ini.

"Dana wakaf telah diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Labuan untuk memulakan operasi bagi menjayakan projek ini secara berkala dengan mematuhi semua garis panduan, tatacara dan prosedur perolehan kerajaan yang ditetapkan," katanya kepada pemberita pada Majlis Pecah Tanah Projek Wakaf Tunai Surau Al-Kausar, baru-baru ini.



SIRAJUDIN (tiga dari kanan) menyampaikan dana kepada wakil Jabatan Kesihatan Labuan.

## 533 ditahan sabit dadah

**POLIS** Labuan berjaya menahan seramai 533 individu yang terlibat dalam pelbagai kesalahan membabitkan rampasan dadah sebanyak 453.31 gram sepanjang tahun lalu.

Menurut Ketua Polis Daerah Labuan, Superintenden **Mohd Hamizi Mohd Halim**, penahanan ke atas semua individu berkenaan dilaksanakan menerusi Ops Agresif Policing dalam membanteras penyalahgunaan dan pengedar dadah di pulau ini.

Katanya, 27 individu ditahan kerana melakukan aktiviti pengedaran dadah jenis syabu dengan penahanan enam individu di bawah Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

"Pada tahun 2024, sebanyak 517 kes manakala bagi pertuduhan kes mencatatkan 100 peratus yang mana setiap kes tersebut berjaya kami laksanakan pertuduhan. Selain itu, sebanyak 417 kes telah dijatuhi hukuman dan selebihnya masih dalam proses perbicaraan di mahkamah."

"Sepanjang tempoh tahun lalu, pihak Polis Labuan berjaya melaksanakan pelbagai rampasan dadah dan pada tempoh itu juga kami merampas 453.31 gram dadah secara keseluruhannya," katanya.

Beliau berkata, pihaknya akan sentiasa melaksanakan rondaan di kawasan hot spot dan pintu-pintu masuk dalam memastikan bekalan bahan terlarang itu dapat dicegah daripada memasuki pulau ini.

"Kami di sini amat komited dalam memastikan keselamatan penduduk di pulau ini terjamin daripada sebarang jenayah khususnya pengedaran dan penyalahgunaan dadah dengan secara lebih berkesan," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hamizi berkata, sepanjang pelaksanaan Ops Selamat 2025 sempena Tahun Baharu Cina baru-baru ini, beliau memaklumkan hanya enam kes kemalangan dilaporkan.

"Sepanjang operasi pada hujung Januari hingga awal Februari, sebanyak 60 saman dikeluarkan ke atas pelbagai kesalahan, antaranya tidak

memiliki lesen memandu, tiada insuran diri dan kenderaan dan sebagainya.

"Pada tahun ini, kami berjaya mengurangkan kadar kemalangan menerusi pelaksanaan operasi ini dan kita menasihati kepada para pengguna jalan raya agar sentiasa berhati-hati dan mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan," katanya.

# Emine nikmati keindahan landskap, bangunan

**WANITA** Pertama Turkiye, Emine Erdogan meluangkan masa menaiki Cruise Tasik Putrajaya mengelilingi tasik sambil menikmati keindahan landskap dan bangunan yang tersergam megah dari atas bot.

Ketibaan beliau pada pukul 3.15 petang disambut oleh isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Emine meluangkan kira-kira sejam beramah mesra dengan Wan Azizah sambil menikmati pelbagai hidangan tempatan di atas bot pelayaran bernama Sebanau, selain menyaksikan pemandangan indah Putrajaya.

Turut serta dalam pelayaran itu ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa dan isteri Menteri Pertahanan, Datin Seri Rosni Omar.

Bot berkenaan berlayar melalui bawah Jambatan Seri Wawasan serta kawasan perairan yang menampilkan pemandangan Masjid Putra

dan Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin.

Sebelum memulakan pelayaran di tasik berkeluasan 650 hektar tersebut, isteri kepada Presiden Turkiye itu turut mencuba mencanting batik Malaysia dengan motif bunga raya.

Emine juga meluangkan masa mengunjungi beberapa kedai kraf tangan berdekatan kawasan pelepasan Cruise Tasik Putrajaya sebelum mengakhiri lawatannya kira-kira pukul 4.30 petang.

Presiden Turkiye, Recep Tayyip Erdogan bersama isterinya tiba di Malaysia pada Isnin untuk lawatan rasmi selama dua hari.

Wisma Putra dalam satu kenyataan memaklumkan lawatan Erdogan mencerminkan hubungan antara kedua-dua negara yang terus kukuh, berdasarkan keakraban yang telah lama terjalin terutama selepas peningkatan tahap hubungan kepada Perkongsian Strategik Komprehensif (CSP) pada Julai 2022. 



EMINE ERDOGAN (tengah) meluangkan masa menaiki Cruise Tasik Putrajaya.

Pamer prestasi memberangsangkan

# DYNAMITES CIPTA SEJARAH

SABRINA SABRE

**P**UTRAJAYA Dynamites mencipta kejayaan apabila menewaskan Johor Jewels dalam saingan Netball Super League (NSL) 2025 di Stadium Juara, Kuala Lumpur baru-baru ini.

Menariknya, kedua-dua pasukan tersebut masih belum tewas pada musim ini dan pertembungan itu pastinya ditunggu-tunggu peminat sukan berkenaan.

Dalam aksi itu, pertembungan tersebut cukup mendebarkan apabila pengendali Dynamites, Puah Pei San berjaya mengikut rentak Jewels dengan mengutip mata demi mata sepanjang suku pertama.

Kedudukan 11-11 terikat selepas tamat suku pertama, menyaksikan Jewels bakal berdepan lawan yang cukup mencabar kali ini.

Apabila kedua-dua pasukan terus memperkenan permainan yang cukup agresif dalam corak serangan, Dynamites menghadirkan permainan terbaik dengan usaha untuk mengejar mata sebelum berjaya menamatkan separuh masa pertama berkelebihan dua mata, 24-22.

Segalanya serba tidak menjadi buat Jewels ditambah dengan kecederaan *goal shooter* (GS), An Najwa Azizan, membenarkan Dynamites mendahului suku ketiga dengan keputusan 40-30.

Kelebihan 10 mata itu sebagai momentum untuk Dynamites memastikan perlawanan menjadi milik mereka dan terus memperkenan aksi cemerlang sebelum menamatkan perlawanan

dengan kemenangan 58-36.

Susulan kekalahan itu, ramai peminat Johor Jewels terkejut dengan keputusan di Stadium Juara yang menyaksikan rekod cemerlang pasukan itu akhirnya dicalarkan oleh Dynamites.

Juara bertahan NSL, Johor Jewels merekodkan dua kekalahan berturut-turut selepas tewas 38-55 di tangan Kuala Lumpur (KL) Wildcats dalam saingan minggu kedua di Stadium Juara, Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada Ahad.

Pertembungan tersebut sememangnya cukup ditunggu-tunggu oleh penyokong susulan Johor Jewels dan KL Wildcats yang merupakan juara serta naib johan untuk Kempen NSL 2024.

Suku pertama permainan menyaksikan pasukan bimbang

Ching Li Li berhasil mendapatkan kelebihan tiga mata, 13-10. KL Wildcats melebarkan jurang dengan keputusan 26-19 pada suku kedua permainan.

Johor Jewels yang masih menurunkan tonggak utama mereka iaitu An Najwa Azizan, Adri Kannemeyer dan Haisya Maisara di bahagian hadapan bagaimanapun kurang menjadi untuk meraih lebih

banyak mata buat pasukan.

Selepas segalanya serba tidak menjadi, skuad dari selatan tanah air itu terpaksa menerima hakikat tewas 38-55 di tangan skuad Lembah Klang tersebut.

Kemenangan ke atas Johor Jewels itu melengkapkan malam gemilang KL Wildcats yang masih tidak merekodkan kekalahan dalam Kempen NSL musim 2025. 



PUTRAJAYA Dynamites pamer aksi cemerlang di NSL 2025.



**International Colloquium  
TOWARDS SUSTAINABLE  
LAKE BASIN MANAGEMENT:  
Strengthening Community Involvement**

18 - 20 February 2025  
Dewan Seri Melati,  
Kompleks Perbadanan Putrajaya

ORGANISED BY  STRATEGIC PARTNERS 

SCAN FOR MORE INFORMATION & REGISTRATION 

Tingkat kualiti, kukuh jenama pasukan

# KLFA BAKAL TUBUH AKADEMI

SABRINA SABRE

**PASUKAN** bola sepak Kuala Lumpur (KL) suatu ketika dulu pernah melalui zaman kegemilangan dan sejarahnya yang tersendiri. Seperti pasukan-pasukan lain, prestasi KL ada pasang surutnya namun beberapa tahun kebelakangan ini, mereka berjaya membuktikan bahawa KL sebenarnya mampu bersaing.

Ini terbukti apabila pasukan tersebut berjaya memenangi Piala Malaysia pada tahun 2021 dan lebih manis apabila kejohanan tersebut merupakan Piala Malaysia edisi ke-100.

Jika dilihat pencapaian KL dalam jangka masa tiga tahun ini, prestasi yang ditunjukkan sememangnya amat memberangsangkan apabila muncul selaku finalis AFC Cup dan Piala FA.

Musim ini pula, mereka sedang bersaing di peringkat ASEAN iaitu Shopee CUP. Pengurusan Persatuan Bola Sepak Kuala Lumpur (KLFA) sentiasa memikirkan perancangan dan merangka struktur pentadbiran serta pengurusan pasukan bagi memastikan KL terus berdaya saing.

KLFA telah melahirkan beberapa pemain daripada pembangunan persatuan itu sendiri. Terdapat beberapa pemain yang pernah mewakili negara dari umur bawah 19 tahun hingga ke pasukan Malaysia sekarang.

Antara 'lejen' KL yang pernah mewakili Malaysia ialah Azman Adnan, Datuk Subadron Abdul Aziz dan Datuk Ramlan Askolani. Di samping itu pemain-pemain KL lain termasuklah Ahmad Hazwan Bakri, Azim Al-Amin, Azri Ghani, Zhafri, Irfan Zakaria dan juga Paulo Josue iaitu pemain import.

Bagi melahirkan pemain yang berkualiti, Setiausaha Politik



PASUKAN KL City akan terus mencipta kejayaan pada masa akan datang.

Kementerian Komunikasi, **Abdullah Izhar Mohamed Yusof** berkata, KLFA telah merangka beberapa perancangan yang membabitkan program dari akar umbi hingga ke pembangunan pasukan.

"Antara perancangan termasuk membina sebuah akademi KLFA sendiri bagi program akar umbi, pemilihan pemain-pemain yang baik untuk pembangunan seperti Piala Belia (bawah 18) dan Piala Presiden (bawah 20).

"KLFA yakin terdapat ramai anak muda Kuala Lumpur mempunyai minat dan bakat yang boleh diketengahkan. Ini berjaya dikesan melalui penganjuran Liga PBKL yang membabitkan Kelab Gabungan naungan KLFA yang memberi banyak peluang kepada pemain pelapis," katanya dalam audio siar

Padu Podcast bersama Pengerusi YWP Media Sdn Bhd, Datuk Afdin Shauki Aksan.

Di samping itu beliau berkata, KLFA juga bakal melahirkan jurulatih yang baik untuk melatih pemain-pemain ini.

## CARI JALAN TERBAIK

MENGULAS lanjut mengenai isu tunggakan gaji yang sering menjadi perbualan hangat dalam kalangan penggemar sukan bola sepak, Izhar berkata, KLFA optimis mencari jalan penyelesaian dengan melaksanakan pengurusan kewangan yang teratur selain mengurus pentadbiran pasukan dengan betul.

"Dengan pengurusan kewangan yang baik, segala perancangan dapat diuruskan dengan teratur termasuk

pemilihan pemain yang baik.

"Ya, benar isu tunggakan gaji ini ada berlaku tetapi dalam situasi yang terkawal. Bagi pengurusan baru KLFA, daripada kita menudung jari menyalahkan mana-mana individu, adalah lebih baik jika kita semua mencari jalan penyelesaian terbaik serta memastikan isu ini tidak berterusan," katanya.

Beliau berkata, kekurangan dana yang mencukupi menjadi salah satu faktor berlakunya isu tunggakan gaji tersebut.

"Kesukaran untuk mendapatkan penajaan di samping sumbangan dana yang agak terhad daripada pelbagai pihak merumitkan lagi pengurusan perbelanjaan pasukan, namun KL berjaya untuk mengharungi kepayahan ini dan masalah yang timbul sudah mula

diselesaikan secara berperingkat selain mula menunjukkan progres yang positif.

"Jika dihitung jumlah tajaan itu sendiri sememangnya ia tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan sebenar KLFA. Sumbangan geran daripada pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah banyak membantu menyelesaikan perbelanjaan serta kos operasi KLFA dan KL City.

"Namun begitu, KLFA tidak bergantung sepenuhnya pada sumber tajaan dan geran sahaja. Kami masih mempunyai beberapa opsyen lain untuk mengisi kantung KLFA yang sedikit sebanyak membantu menampung perbelanjaan pentadbiran KLFA," katanya.

Dalam pada itu, beliau berkata, isu tunggakan gaji ini bukan sahaja menjatuhkan semangat dan moral pemain, malah imej KLFA sendiri terjejas dan ia sedikit merencatkan usaha untuk mendapatkan penajaan serta kepercayaan penyokong pasukan KL sendiri.

"Namun, isu ini seharusnya dilihat dari sudut yang lebih luas seperti aspek pengurusan dan pentadbiran sesuatu pasukan atau kelab. Seperti baru-baru ini, pengurusan tertinggi KLFA sendiri telah berjumpa para pemain untuk berbincang dan menyatakan komitmen bagi menyelesaikan segala isu yang timbul.

"Buat masa ini, KLFA sedang berusaha selesaikan segala perkara secara berperingkat dan memastikan kebijakan kakitangan dan pemain sentiasa dijaga.

"Kami percaya dengan usaha ini dan setelah segala permasalahan selesai, ia dapat mengembalikan imej KLFA," katanya.

# DBKL sedia dewan sukan pickleball

**PEMINAT** pickleball kini boleh bermain di dewan komuniti dan dewan pelbagai guna awam di Kuala Lumpur.

Menurut Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh**, gelanggang pickleball disediakan di dewan-dewan yang diuruskan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan boleh disewa pada kadar berpatutan.

"Sewaan gelanggang pickleball persendirian biasanya berharga sekitar RM70. DBKL menetapkan kadar sewaan pada RM40 sejam untuk gelanggang tertutup dan RM25 sejam untuk gelanggang terbuka."

"Ini adalah kadar yang lebih berpatutan dan ia dapat menggalakkan lebih ramai orang turut serta."

"Jika ini adalah apa yang dicari

oleh orang ramai, kami akan melakukan yang terbaik untuk menyediakan kemudahan," katanya selepas melancarkan acara Jom Pickleball Bersama DBKL di Pusat Komuniti Bukit Damansara, Kuala Lumpur.

Hannah berkata, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) menerima permintaan untuk lebih banyak kemudahan sukan pickleball disediakan.

"Kami gembira kerana pihak berkuasa tempatan (PBT) seperti DBKL menjadi antara yang terawal memberi respons."

"Dua dewan telah disediakan untuk sukan tersebut di kawasannya," katanya.

Hannah berharap kadar sewaan yang dikenakan dapat dikurangkan lagi.

"Apabila lebih banyak kemudahan

disediakan, kadar sewaan secara semula jadi akan berkurang.

"Pihak kementerian juga telah mengadakan perbincangan dengan Tenaga Nasional Bhd untuk mengurangkan lagi caj elektrik bagi kemudahan sukan," katanya.

Gelanggang terbuka disediakan di Pusat Komuniti Bukit Damansara, Pusat Komuniti Sentul Perdana, Dewan Serbaguna Cheras Baru, Dewan Serbaguna Fasa 1E dan Dewan Serbaguna Taman Maluri.

Gelanggang tertutup pula terletak di Dewan Serbaguna Setiawangsa, Dewan Serbaguna Seksyen 4 Wangsa Maju, Dewan Serbaguna Sri Endah, Dewan Serbaguna Kampung Baru, Dewan Serbaguna Taman Bunga Raya, Kompleks Sukan Bangsar, Pusat Komuniti Taman Tun Dr Ismail dan Akademi Badminton Cheras. - BERNAMA



BEBERAPA dewan komuniti DBKL kini dilengkapi dengan gelanggang pickleball untuk disewa pada kadar harga yang berpatutan.

# SAYA MAHU BUAT IBU SENYUM



DEEL ANJER

**A**GAMA Islam mewajibkan berbuat baik kepada ibu bapa. Kewajipan berbakti kepada ibu bapa diletak di tangga kedua selepas kewajipan beribadah kepada Allah.

Kita juga sering terdengar kisah anak-anak yang menderhaka kepada ibu bapa mereka apabila sudah mencapai usia lanjut.

Melihat juara program realiti One In A Million (OIAM) musim terbaru, **Marygrace** yang sangat mengutamakan ibunya dalam banyak perkara, gadis kelahiran Keningau, Sabah itu harus menjadi contoh kepada generasi muda hari ini.

Rata-rata netizen memuji sikap pemilik nama sebenar Marygrace Jane C Penserga, 24, yang mengutamakan ibu dalam kehidupannya yang membawa berkat.

"Ibu saya semakin tua, sudah menjadi tanggungjawab saya untuk menunai segala impiannya dan keluarga. Saya sedang berusaha ke

arah itu.

"Apabila menang OIAM, hadiah (RM1 juta termasuk wang tunai RM500,000) ini, apa yang saya fikirkan adalah muhi betul-betul memanfaatkannya, terutamanya untuk menggembirakan ibu."

"Ya, ia jumlah yang sangat besar. Saya jadi teringat dengan impian untuk bawa ibu pergi umrah dan melancong. Saya juga mahu tubuhkan persatuan kebaikan saya sendiri."

"Saya suka kanak-kanak dan kucing, jadi, saya nak bantu mereka yang memerlukan dan mahu gunakan wang ini sebaik mungkin."

"Saya juga mahu bina rumah yang lebih selesa buat keluarga. Apa yang penting, saya mahu buat ibu tersenyum," katanya.

Dalam perkembangan lain, Marygrace juga ingin menjelaskan tentang kekeliruan yang berlaku dalam kalangan netizen. Ini berikutnya terdapat sesetengah netizen yang bertanya-

tanya agama Marygrace.

"Sekitar enam tahun lalu, saya bertukar agama kerana ikut emak, ikut keluarga. Saya ikut mak yang pilih Muslim dan saya dengan adik pun sokong mak. Kami berdua ikut mak masuk Islam. Tiada salahnya pun."

"Mak dulu peluk Islam, selepas itu barulah saya dan diikuti adik. Mulanya memang tertekan juga kerana tukar agama dari Kristian ke Muslim (Islam)."

"Tapi perlahan-lahan belajar memahami tentang Islam dan sejak itu saya bertekad bertukar agama ikut mak. Ia bukan paksaan dan memang hati terbuka untuk tukar agama."

"Saya tiada nama Muslim sebab Marygrace Jane Penserga adalah nama khas diberi oleh arwah ayah saya."

"Itu satu-satunya perkara yang saya rasa, saya perlu simpan. Jadi saya takkan ganti nama. Saya akan guna nama saya sebenar. Janji, dalam kad pengenalan biar Islam," tambahnya lagi.

## Da'i Syed aktif bisnes batu permata

**TIDAK** mahu menoleh ke belakang lagi selepas terpalit detik hitam tahun lalu, pendakwah selebriti, **Da'i Syed** kini terus bangkit. Da'i Syed atau nama sebenarnya Syed Shah Iqmal Syed Mohd Shaiful Jamalullail, 30, meluahkan rasa syukur apabila semakin aktif dalam bisnes batu permata bersama isterinya, Hana Ismail.

"Biarpun tidak ada tawaran dalam bidang seni, saya masih ada perniagaan iaitu menjual batu permata dari Mesir."

"Saya anggap ini sebagai sebahagian daripada rezeki. Bagaimanapun, saya masih terbuka menerima rezeki dalam bidang seni."

"Saya membabitkan diri dalam industri seni sejak 2016 untuk sampaikan dakwah dalam nyanyian atau lakonan," katanya.

Namun, satu harapan baharu buat Da'i Syed apabila diberi kepercayaan untuk berlakon dalam filem Dajal: Satu Malam Di Pedajal.

"Jujur cakap, saya pun tak sangka ditawarkan peluang sebegini. Alhamdulillah, filem ini adalah pembuka rezeki buat saya tahun ini."

"Kalau nak tahu, sebenarnya saya tiada tawaran kerja sebelum ini. Jadi, saya ingin ucapkan terima kasih buat MIG dan pengarah kerana memanggil saya. Mungkin ini juga rezeki anak dan isteri. Saya hanya menumpang rezeki mereka," ujarnya.

Dalam pada itu, Da'i Syed yakin kurangnya tawaran dalam bidang seni ini kerana percaya hikmahnya di sebalik apa yang berlaku.

Menurut Da'i Syed, masa terluangnya itu banyak dihabiskan dengan anak, Sharifah Fatma Nour Jamalullail.

"Walaupun saya tidak menerima tawaran lain, tapi saya dapat tawaran daripada Allah untuk melihat anak membesar. Masa itu adalah emas. Walaupun

sesaat, saya nak menghabiskan masa melihat anak saya membesar di depan mata," tambahnya lagi.

Sekadar info, pada Ogos lalu, Da'i Syed dijatuhi hukuman penjaran 10 tahun dan tiga sebatan oleh Mahkamah Seksyen, Shah Alam kerana didapati bersalah merogol seorang wanita di sebuah kondominium, lima tahun lalu.

Bagaimanapun, Hakim Datuk Aslam Zainuddin membenarkan permohonan peguam Mohamed Baharudeen Mohamed Ariff yang mewakili Syed yang sudah meringkuk selama 21 hari di Penjara Kajang dibebaskan sementara menunggu rayuan di Mahkamah Tinggi didengar dan diputuskan.



## Semangat kebersamaan

**MENYEMARAK** semangat perpaduan dalam kalangan rakyat menjadi antara matlamat penting buat penyanyi dan komposer terkenal **Faizal Tahir**.

Penyanyi berjiwa patriotik ini mahu sentiasa menjadi penyumbang kepada faktor perpaduan dan saling bekerjasama sesama rakyat berbilang kaum.

Demi matlamatnya itu, Faizal muncul dengan album berjudul Jati Diri, hasil kerjasama dengan rakan penerbit muda yang sedang meningkat naik, Glowrush.

Mereka kini dikenali sebagai duo Let Zatin, yang menggabungkan elemen muzik tradisional dengan sentuhan moden.

"Inspirasi utama saya adalah melihat betapa banyak jati diri kita yang semakin hilang. Saya mahu mengingatkan semua bahawa penting untuk kita memahami dan menghargai asal usul, budaya dan agama kita agar kita tidak kehilangan arah," katanya.

Apa yang istimewa, semasa pelancarannya, Faizal menampilkan konsep unik berdasarkan kenduri-kendara

dan rewang yang dibuat di Bagan Lalang, Sepang, Selangor.

Konsep itu dipilih bukan sekadar sebagai tema pelancaran, tetapi ia melambangkan semangat gotong-royong, perpaduan dan kebersamaan yang semakin pudar dalam masyarakat moden.

"Konsep ini menggambarkan bahawa perkara yang baik wajar dikongsi bersama. Apabila berkumpul untuk sesuatu yang positif, kita bukan sahaja memperoleh keberkatan daripada Allah, tetapi juga memperkuuhkan semangat kasih sayang antara satu sama lain."

"Ia bukan sekadar hiburan, malah satu penghormatan kepada nilai dan semangat kebersamaan yang masih kuat dalam masyarakat kampung."

"Jadi, bersesuaian dengan apa yang saya bawakan, album ini menggabungkan elemen muzik tradisional dengan sentuhan moden agar kekal relevan di hati peminat muda," katanya.

Menyentuh mengenai album Jati Diri, ia turut menampilkan dua figura hebat dalam industri muzik, Datuk M Nasir dan Altimet sebagai penyanyi undangan.



Semangat  
kebersamaan  
Faizal Tahir ►►23

KLFA bakal tubuh  
akademi ►►22

## Tanggungjawab besar pimpin khutbah Jumaat

# KHATIB JAGA KESATUAN UMAT

AZLAN ZAMBRY

**P**ERANAN imam dan khatib dalam memimpin khutbah Jumaat adalah satu tanggungjawab yang besar, bukan sahaja dalam membimbing jemaah mereka secara rohani tetapi juga dalam menjaga kesatuan yang merupakan sendi terpenting dalam masyarakat Islam.

Meskipun isu panas membabitkan tindakan Jabatan Agama Islam Perak (JAIPK) yang menggantung empat imam, ia sewajarnya dilihat menerusi perspektif positif yang menggalakkan para imam membaca khutbah rasmi yang diberikan kepada mereka adalah satu langkah yang tepat demi mengukuhkan semangat perpaduan ini.

Dengan menyeragamkan mesej, amalan ini memastikan konsistensi dalam ajaran yang disampaikan di masjid yang berbeza, membantu mengelakkan perpecahan dan kekeliruan. Pendekatan kolektif ini memupuk pemahaman bersama tentang prinsip Islam dan hal ehwal semasa, mengukuhkan ikatan antara umat Islam. Melalui mesej yang bersatu padu ini, masyarakat dapat bersatu dalam iman dan tujuan, mencerminkan semangat setiaawan sebenar yang digalakkan oleh Islam.

Menurut Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Hanifuddin Roslan, dalam konteks Wilayah Persekutuan, pihak JAWI telah mengeluarkan Surat Pekeliling Masjid/Surau Bilangan (1) Tahun 2017 bertarikh 13 Mac 2017.

"Pekeliling tersebut yang menyebut bahawa 'Masjid-masjid dan surau-surau Jumaat adalah dikehendaki untuk membaca teks khutbah Jumaat/khutbah khas/khutbah Aidilfitri dan Aidiladha yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan

(JAWI) selaku pelaksana kepada dasar-dasar Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) tanpa membuat apa-apa pindaan atau pengubahsuaian teks.'

"Sehubungan itu, semua AJK masjid dan surau Jumaat di Wilayah Persekutuan hendaklah memastikan khatib yang bertugas sentiasa mematuhi arahan untuk membaca teks khutbah Jumaat/khutbah khas/khutbah Aidilfitri dan Aidiladha yang diterbitkan oleh JAWI tanpa membuat apa-apa pindaan atau pengubahsuaian pada teks."

"Jika berlaku kes perlanggaran arahan ini, pihak JAWI akan memanggil AJK masjid untuk diberi nasihat. Sekiranya masih berulang, tindakan penamatkan jawatan AJK boleh dikenakan berdasarkan Kaedah Pentadbiran (Jawatankuasa Kariah)," katanya ketika dihubungi Wilayahku.

Katanya, sekiranya khatib tersebut pula tidak memiliki tauliah mengajar di Wilayah Persekutuan, beliau boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 11(1) Akta 559 Mengajar Tanpa Tauliah.

"Justeru itu, pihak JAWI menyeru semua pihak agar dapat mematuhi arahan tersebut di atas demi kebaikan bersama," katanya.

Dalam Islam, perpaduan dalam kalangan umat Islam (komuniti) adalah amat penting dan penting untuk mengekalkan hubungan yang harmoni dalam masyarakat.

Satu bidang yang sering diuji perpaduan ini adalah dalam penyampaian khutbah Jumaat, yang mempunyai kuasa membentuk pendapat dan mengerakkan ikatan perkauman.

Katanya, untuk memastikan tidak timbul salah faham atau perpecahan, adalah penting bagi imam untuk mengikuti panduan



dan arahan yang diberikan oleh pentadbir agama Islam di negeri mereka, termasuk teks khutbah yang disediakan oleh pihak berkuasa ini.

Teks khutbah yang dibuat dengan teliti ini direka dengan mengambil kira kepentingan kolektif masyarakat Islam. Kebiasaannya, pentadbir agama negeri-negeri perlu menangani isu-isu yang berkaitan, menyediakan bimbingan agama dan mempromosikan nilai positif yang memupuk perpaduan.

Dengan mematuhi khutbah yang disediakan, imam membantu memastikan konsistensi dalam mesej yang disampaikan di pelbagai masjid, menghapuskan kemungkinan tafsiran bercanggah yang mungkin membawa kepada perpecahan.

Selain itu, keseragaman mesej membantu mengelakkan kekeliruan dalam kalangan

jemaah, mengukuhkan pemahaman bersama tentang ajaran Islam. Pendekatan kolektif ini menjadi peringatan bahawa bimbingan yang dikongsikan bukan sekadar suara seorang imam tetapi konsensus yang lebih luas para alim ulama dan pentadbir yang telah mempertimbangkan kesejahteraan seluruh masyarakat Islam.

Kesimpulannya, mengikut arahan pentadbir agama Islam dalam penyampaian khutbah Jumaat adalah langkah penting dalam memupuk perpaduan, mencegah perselisihan faham dan mengeratkan hubungan yang mengikat umat Islam. Ia adalah satu demonstrasi yang jelas bahawa apabila pemimpin agama bekerjasama untuk kebaikan yang lebih besar, mereka boleh melayani keperluan komuniti mereka dengan berkesan, memastikan keamanan, persefahaman dan perpaduan. 

**SERTAI SALURAN TELEGRAM**  
[t.me/wilayahku](https://t.me/wilayahku)  
**UNTUK INFORMASI TERKINI!**

IMBAS KOD QR

Diurus terbit oleh YWP MEDIA SDN. BHD. (1304797-X) bagi pihak Kelab Sukan dan Kebajikan YWP. Yayasan Wilayah Persekutuan Wisma YWP, No. 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur. Tel: 03-2698 3073 / 2073  
Dicetak oleh: YBA Print Sdn. Bhd. (968296-W). No. 28, Jalan 12/152, Taman Perindustrian OUG, Batu 6 1/2, Jalan Puchong, 58200 Kuala Lumpur. Tel: 03-7773 2692